Beliau telah menghadiri empat (4) daripada lima belas (15) Mesyuarat Lembaga yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

En. Majid tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabit dengan apa-apa kesalahan (selain dari kesalahan lalu lintas) dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

### Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud

Senior Independent, Non-Executive Director  
Pegarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif



Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud, a Malaysian, aged 65, was appointed to the Board on 30 April 1997. He is a Barrister-at-law of the Honorable Society of Middle Temple and was called to the English Bar in November 1971. Upon returning to Malaysia, he joined M/S Ibam Sendirian Berhad in 1972 as Company Secretary and was later promoted to Deputy General Manager of the same company. Subsequently, he went on to set-up his own law practice with two other lawyers in Kuantan.

He was a Member of Parliament of Pekan, Pahang from 1982 to 1986 and Rompin from 1986 to 1990. He served as the Deputy Speaker of Dewan Rakyat Malaysia from 1986 until 1990. He was the Chairman of Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara from 1986 until 1995 and Chairman of Kuantan Port Authority from 1985 until 1987. He is a Director of Naluri Berhad.

He is also Chairman of the Audit Committee and the Nominating Committee and a member of the Remuneration Committee of the Company. Pursuant to Best Practices In Corporate Governance AA VII, he has been appointed as the Senior Independent Non-Executive Director of the Company.

He attended all the fifteen (15) Board Meetings held during the financial year ended 31 December 2002.

Dato' Mohamed Amin does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of the Company, nor any conflict of interest with the Company. He has not been convicted for any offences (other than traffic offences) within the past 10 years.

Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud, seorang warganegara Malaysia berusia 65 tahun, telah dilantik menjadi ahli Lembaga Pegarah pada 30 April 1997. Beliau seorang Barrister-at-Law Persatuan Terhormat di Middle Temple dan telah diterima masuk ke Badan Peguam Inggeris pada bulan November 1971. Sebaik sahaja kembali ke Malaysia, beliau bekerja dengan Tetuan Ibam Sendirian Berhad pada tahun 1997 sebagai seorang Setiausaha Syarikat dan kemudian telah dinaikkan pangkat ke Timbalan Pengurus Besar di syarikat yang sama. Seterusnya, beliau telah menubuhkan syarikat guaman sendiri bersama dua orang peguam lain di Kuantan.

Beliau pernah menjadi Ahli Parlimen bagi Kawasan Pekan, Pahang dari tahun 1982 hingga 1986 dan bagi Kawasan Rompin dari tahun 1986 hingga 1990. Beliau menjadi Timbalan Speaker Dewan Rakyat Malaysia dari tahun 1986 hingga 1990. Beliau telah memegang jawatan Pengerusi Lembaga Kemajuan Negeri Pahang Tenggara dari tahun 1986 hingga 1995 dan Pengerusi Pelabuhan Kuantan dari 1985 hingga 1987. Beliau juga merupakan Pegarah Naluri Berhad.

Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pencalonan serta ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat. Selaras dengan peruntukan di dalam Amalan Terbaik Berkaitan Tadbir Urus Korporat AA VII, beliau telah dilantik sebagai Pegarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif Syarikat.

Beliau telah menghadiri kesemua lima belas (15) Mesyuarat Lembaga Pegarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Dato' Mohamed Amin tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pegarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabit dengan apa-apa kesalahan (selain dari kesalahan lalu lintas) dalam jangka masa 10 tahun yang lepas.

Dato' Khalid bin Mohamad Jiwa, a Malaysian, aged 44, was appointed to the Board of Pasdec Holdings Berhad on 30 April 1997. Dato' Khalid is also the Executive Director of Sriwani Holdings Berhad and Director of Atlan Holdings Berhad, companies listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange.

Graduated from University of Technology MARA (UiTM) in Business Studies, Dato' Khalid began his career with Bank Bumiputra Malaysia Berhad (now BCB) in 1981, where he gathered vast knowledge and experience in financial business. He left his banking career in 1996 to embark into his own business.



**Dato' Khalid bin Mohamad Jiwa**

Independent, Non-Executive Director  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Khalid has also formed his own ACE Group of Companies and TAHB Group of Companies. ACE is involved in TV media management and operation, supply of broadcast materials, supply and maintenance of broadcast equipment, supply and maintenance of military equipment, engineering works and technical services, plantation, as well as IT solution. TAHB is involved in trading of imported luxury cars and related activities. He is also a Director and major shareholder of Multi Esprit Sdn. Bhd.

Dato' Khalid is also a member of the Audit Committee, Nominating Committee and Tender Committee of Pasdec Holdings Berhad.

He attended twelve (12) of the fifteen (15) Board Meetings held during the financial year ended 31 December 2002.

He does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of the Company, nor any conflict of interest with the Company. He has not been convicted for any offences (other than traffic offences) within the past 10 years.

Dato' Khalid bin Mohamad Jiwa, seorang warganegara Malaysia berusia 44 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Pasdec Holdings Berhad pada 30 April 1997. Dato' Khalid juga merupakan Pengarah Eksekutif Sriwani Holdings Berhad dan Pengarah Atlan Holdings Berhad, yang mana kedua-dua syarikat tersebut tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur.


Graduan lepasan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam Pengajian Perniagaan, Dato' Khalid memulakan kerjaya dengan Bank Bumiputra Malaysia Berhad (sekarang BCB) pada tahun 1981, di mana beliau memperoleh pengetahuan dan pengalaman yang luas di dalam bidang perniagaan kewangan. Beliau meninggalkan kerjaya di sektor perbankan pada tahun 1996 untuk memulakan perniagaannya sendiri.

Dato' Khalid menubuhkan syarikat beliau iaitu Kumpulan Syarikat ACE dan Kumpulan Syarikat TAHB. ACE terlibat di dalam pengurusan dan operasi media TV, membekal bahan-bahan penyiaran, membekal dan menyelenggara peralatan penyiaran, membekal dan menyelenggara kelengkapan ketenteraan, kerja-kerja kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal, perladangan dan juga penyelesaian IT. TAHB terlibat di dalam pengimportan dan perdagangan kereta-kereta mewah dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Beliau juga merupakan Pengarah dan pemegang saham utama Multi Esprit Sdn. Bhd.

Dato' Khalid merupakan ahli Jawatankuasa Audit, ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Ahli Jawatankuasa Tender Pasdec Holdings Berhad.

Beliau telah menghadiri dua belas (12) daripada lima belas (15) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Beliau tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabit dengan apa-apa kesalahan (selain dari kesalahan lalu lintas) dalam jangka masa 10 tahun yang lepas.



### Abdullah bin A. Rasol

Independent, Non-Executive Director  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Abdullah bin A. Rasol, a Malaysian, aged 53, was appointed to the Board on 23 May 2002. En. Abdullah is a Fellow of the Chartered Association of Certified Accountants, United Kingdom and a Chartered Accountant with the Malaysian Institute of Accountants.

He is presently the Director of Operations of Eden Enterprises (M) Berhad.

Prior to his present position, he was the Executive Director and Chief Executive Officer of Amanah General Insurance Berhad. He served the Amanah Capital Group since 1984, initially serving as the Finance Manager of Amanah Merchant Bank Berhad (AMBB) and moving on towards corporate banking and subsequently as the General Manager of AMBB.

His tasks whilst at AMMB include marketing and evaluation of credit facilities, management of assets, financial advisory, equity restructuring and project financing.

He gained audit and accounting experience in Coopers and Lybrand, Guthrie Malaysia Holdings Bhd. and Pernas Construction Sdn. Bhd. prior to joining AMBB.

He is also a member of the Audit Committee of Pasdec Holdings Berhad.

He attended six (6) of the fifteen (15) Board Meetings held during the financial year ended 31 December 2002.

En. Abdullah does not have any family relationship with any director and/or major shareholder of the Company, nor any conflict of interest with the Company. He has not been convicted for any offences (other than traffic offences) within the past 10 years.

Abdullah bin A. Rasol, seorang warganegara Malaysia berusia 53 tahun, telah dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 23 Mei 2002. En. Abdullah adalah seorang Fellow di Persatuan Berkanun Akauntan Bertauliah, United Kingdom dan merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

Pada masa ini beliau merupakan Pengarah Operasi Eden Enterprises (M) Berhad.

Sebelum daripada ini, beliau memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Amanah General Insurance Berhad. Beliau berkhidmat dengan Kumpulan Amanah Capital sejak tahun 1984, pada mulanya sebagai Pengurus Kewangan dengan Amanah Merchant Bank Berhad (AMBB), seterusnya beralih ke bidang perbankan korporat dan akhir sekali sebagai Pengurus Besar.

Tugas-tugas beliau semasa berkhidmat di AMBB termasuk pemasaran dan penilaian kemudahan kredit, pengurusan aset, khidmat nasihat kewangan, penstrukturan semula ekuiti serta pembiayaan projek.

Beliau telah beroleh pengalaman dalam bidang audit dan perakaunan semasa beliau berkhidmat di Coopers and Lybrand, Guthrie Malaysia Holdings Bhd. dan Pernas Construction Sdn. Bhd. sebelum menyertai AMBB.

Beliau juga merupakan seorang ahli Jawatankuasa Audit Pasdec Holdings Berhad.

Beliau telah menghadiri enam (6) daripada lima belas (15) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

En. Abdullah tiada hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat, mahupun sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat. Beliau tidak pernah disabit dengan apa-apa kesalahan (selain dari kesalahan lalu lintas) dalam jangka masa 10 tahun yang lepas.

# Management team

## Kumpulan Pengurusan

From left to right/Dari kiri ke kanan

**Tuan Haji Naziff bin Haji Mokhtar**  
General Manager Project  
Pengurus Besar Projek

**Encik Mohd Lizah bin Hashim**  
Group Company Secretary  
Setiausaha Syarikat Kumpulan

**YH Dato' Haji Mohd. Kharuddin bin Mohd. Ali**  
General Manager Business Development  
Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan


**YH Dato' Hamdan bin Jaafar**  
Managing Director/Pengarah Urusan

**Encik Goh Song Han**  
Group Financial Controller  
Pengawal Kewangan Kumpulan



# corporate Structure

## Struktur Korporat



### **CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT**

The Board of Directors of Pasdec Holdings Berhad (PASDEC) fully supports the principles and recommendations embodied in the Malaysian Code on Corporate Governance ("the Code") and is committed to ensure that the highest standard of corporate governance is implemented and maintained throughout the Group.

During the financial year ended 31 December 2002, the Board assessed the Company's state of compliance with the relevant principles and practices contained in the Code and is pleased to report that steps have been taken for the Company to observe and to strive towards full compliance with the Code.

The Board is therefore pleased to report on the application of the Code by the Group in this statement.

# Corporate governance Statement

## Penyata Urus Tadbir Korporat

### **PENYATA URUS TADBIR KORPORAT**

Jemaah Lembaga Pengarah Pasdec Holdings Berhad (PASDEC) menyokong penuh prinsip dan saranan yang terkandung dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Kod") dan komited untuk memastikan agar piawai urus tadbir korporat tertinggi dilaksanakan secara berkekalan dalam Kumpulan.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, pihak Lembaga telah menilai keadaan pematuhan Syarikat dengan prinsip dan amalan berkaitan yang terkandung dalam Kod, dan dengan sukacitanya melaporkan bahawa beberapa langkah telah diambil agar Syarikat mengikut dan berusaha ke arah pematuhan menyeluruh terhadap Kod.

Oleh itu, Lembaga dengan sukacitanya melaporkan penerapan Kod oleh Kumpulan dalam penyata ini.

## 1. THE BOARD OF DIRECTORS

### (a) Composition of the Board

The Board currently has ten (10) members comprising of a Non-Independent Non-Executive Chairman, a Managing Director, three (3) independent non-executive Directors and five (5) Non-Independent Non-Executive Directors.

The Directors bring a wide range of business management and financial experience, expertise and perspectives to the discussion and decision making of the Board. The profile of each Director is set out on pages 18 to 27 of this Annual Report.

The non-executive Directors, all of whom are respected business leaders in their own right, play important roles in the Board's decisions, provide unbiased and independent views, advice and judgement in the decision making process.

The roles of the Chairman and the Managing Director are distinct and each has clearly defined responsibilities to ensure a balance of power and authority. The Chairman is primarily responsible for ensuring orderly conduct and effectiveness of the Board whilst the Managing Director, being the only executive Director, has the principal responsibility of reporting, clarifying and communicating matters relating to the day-to-day operations of the Company to the Board.

The Board has also delegated certain responsibilities to other Board committees, which operate with clearly defined terms of reference. Standing committees of the Board include the Audit Committee, the Nominating Committee, the Remuneration Committee and the Tender Committee.

All Directors have attended the Mandatory Accreditation Programme organised by the Kuala Lumpur Stock Exchange ("KLSE").

## 1. LEMBAGA PENGARAH

### (a) Komposisi Lembaga

Pada masa ini Lembaga mengandungi sepuluh (10) orang anggota yang terdiri daripada seorang Pengerusi bukan bebas bukan eksekutif, seorang Pengarah Urusan, tiga (3) orang Pengarah bebas bukan eksekutif dan lima (5) orang Pengarah bukan bebas bukan eksekutif.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah membawa bersama mereka gabungan pengalaman pengurusan perniagaan dan kewangan yang luas, serta menawarkan kepakaran dan pandangan bernas dalam perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga. Profil setiap Pengarah dipaparkan di halaman 18 hingga 27 di laporan tahunan ini.

Para Pengarah bukan eksekutif, yang semuanya terdiri daripada ahli-ahli perniagaan yang dihormati dalam bidang masing-masing, memainkan peranan penting dalam keputusan Lembaga. Para Pengarah bebas yang mewakili satu per tiga daripada bilangan anggota Lembaga, menyediakan pandangan, nasihat dan pertimbangan bebas yang tidak memihak dalam proses membuat keputusan.

Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan ketara berbeza dan setiap seorang mempunyai tanggungjawab yang jelas untuk memastikan keseimbangan kuasa dan wibawa. Tanggungjawab utama Pengerusi adalah untuk memastikan pengendalian rapi dan keberkesanan Lembaga manakala Pengarah Urusan, yang merupakan satu-satunya Pengarah Eksekutif, mempunyai tanggungjawab utama untuk melaporkan, menjelaskan dan menyampaikan perkara-perkara berkaitan operasi harian Syarikat kepada Lembaga.

Lembaga juga telah mendelegasikan sebahagian daripada tanggungjawab kepada jawatankuasa Lembaga yang lain, yang beroperasi mengikut bidang kerja yang jelas. Jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan termasuklah Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Tender.

Semua Pengarah telah mengikuti Program Pentauliahan Mandatori yang dianjurkan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL").

**(b) Board Responsibility**

The Board of PASDEC takes full responsibility for the overall performance of the Company and the Group by directing the vision and mission of the Company, focusing on strategies and action plans as well as providing guidance and advice on the Company's objectives and goals.

The Board is primarily responsible for the following:-

- The Group's strategic plans
- Performance of the Group and key performance indicators
- Identification and management of principal risks
- Succession planning for senior management
- Investor relations programme or shareholder communications policy
- Internal control system

The Board meets at least four (4) times a year with additional meetings convened as and when necessary.

Fifteen (15) Board meetings were held during the financial year ended 31 December 2002. Attendance of each Directors at the Board meetings held during the financial year is set out as follows:-

**(b) Tanggungjawab Lembaga**

Lembaga Pengarah PASDEC bertanggungjawab penuh ke atas prestasi Syarikat dan Kumpulan secara menyeluruh dengan menjuruskan Syarikat dan Kumpulan secara menyeluruh dengan menjuruskan wawasan dan misi Syarikat, menumpukan perhatian kepada strategi dan rancangan tindakan di samping memberikan panduan dan nasihat bagi objektif dan matlamat Syarikat.

Lembaga bertanggungjawab terutamanya ke atas yang berikut:-

- Rancangan strategik Kumpulan
- Prestasi Kumpulan dan petunjuk prestasi penting
- Pengenalpastian dan pengurusan risiko utama
- Rancangan penggantian untuk pengurusan kanan
- Program perhubungan pelabur atau polisi komunikasi pemegang saham
- Sistem kawalan dalaman

Lembaga bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun dengan mesyuarat tambahan diadakan mengikut keperluan.

Sebanyak lima belas (15) mesyuarat Lembaga telah diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002. Kehadiran setiap Pengarah di Mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

Name of Director>Nama Pengarah	Attendance/Kehadiran	Remarks/Catatan
YAB Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob	N/A/Tiada	Appointed on/Dilantik pada 21.1.2003
YH Dato' Haji Abdul Ghani bin Sulaiman	15/15	
YH Dato' Hamdan bin Jaafar	15/15	
YH Dato' Ghazali bin Mohd Ali	6/15	Resigned on/Meletak jawatan pada 15.8.2002
YH Dato' Mohd Ghazali bin Mohd Khalid	5/15	Resigned on/Meletak jawatan pada 15.8.2002
YH Dato' Abd Rahim bin Haji Mohamad	9/15	Resigned on/Meletak jawatan pada 15.8.2002
YH Dato' Jamal Ab. Nasir bin Ismail	8/15	Resigned on/Meletak jawatan pada 15.8.2002
YH Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud	15/15	
YH Dato' Khalid bin Mohamad Jiwa	12/15	
Encik Abdullah bin A. Rasol	6/15	Appointed on/Dilantik pada 23.5.2002
YH Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib	4/15	Appointed on/Dilantik pada 22.8.2002
YH Dato' Haji Mohamad Nor bin Ali	5/15	Appointed on/Dilantik pada 22.8.2002
Tuan Haji Lias bin Mohd Noor	5/15	Appointed on/Dilantik pada 19.8.2002
Encik Majid bin Mohamad	4/15	Appointed on/Dilantik pada 19.8.2002

**(c) Supply of Information**

Board papers containing report and updates on operational, financial and corporate developments as well as minutes of meetings are made available in advance to members of the Board to enable them to discharge their duties effectively.

The Board has full access to the senior management and advice and services of the Company Secretary. The Directors may also seek independent professional advice at the Company's expense if required.

**(d) Appointment of the Board and Re-election**

The Board has established a Nominating Committee on 22 November 2001, in line with the Code. The Committee is primarily responsible for the following:-

- To review, recommend and consider candidates for appointments to the Board and committees of the Board;
- To assist the Board in reviewing on an annual basis the required mix of skills and experience of the Directors of the Company; and
- To ensure the overall effectiveness of the Board as a whole in discharging its stewardship function.

At present, the Nominating Committee comprises of the Chairman and two (2) non-executive Directors, one (1) of whom is independent. The Committee met two (2) times during the financial year ended 31 December 2002.

In accordance with the Articles of Association of the Company, at least one-third of the Directors are required to retire from office at every Annual General Meeting and be subject to re-election by shareholders.

New Directors appointed by the Board are subject to election by the shareholders at the Annual General Meeting held following their appointments.

## 2. DIRECTORS' REMUNERATION

**(a) Remuneration Policy and Procedures**

The Board has established a Remuneration Committee on 22 November 2001, in line with the Code. The Committee is primarily responsible for making recommendation to the Board on all elements of remuneration and terms of employment of the Executive Director, drawing from outside advice if necessary.

**(c) Pembekalan Maklumat**

Sebelum mesyuarat diadakan, kertas-kertas mesyuarat yang mengandungi laporan dan pengemaskinian tentang perkembangan operasi, kewangan dan korporat serta minit mesyuarat diberikan dengan lebih awal kepada ahli-ahli Lembaga untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan.

Lembaga mempunyai akses sepenuhnya kepada pegawai pengurusan kanan dan berhak mendapatkan nasihat serta perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Jika perlu, para Pengarah juga boleh mendapatkan khidmat ahli profesional bebas atas perbelanjaan Syarikat.

**(d) Pelantikan Pengarah dan Pemilihan Semula**

Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan pada 22 November 2001, selaras dengan Kod. Jawatankuasa ini bertanggungjawab terutamanya ke atas perkara berikut:-

- Untuk menilai, menyarankan dan menimbang calon-calon bagi perlantikan ke Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga;
- Untuk membantu Lembaga membuat penilaian tahunan terhadap gabungan kemahiran dan pengalaman pada Pengarah Syarikat; dan
- Untuk memastikan keberkesanan Lembaga yang menyeluruh semasa melaksanakan fungsi pengawasan.

Pada masa ini, Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada seorang Pengerusi dan dua (2) orang Pengarah bukan eksekutif, seorang daripadanya Pengarah bebas. Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Selaras dengan Tataurus Penubuhan Syarikat, sekurang-kurangnya satu per tiga daripada bilangan Pengarah hendaklah bersara daripada perkhidmatan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan tertakluk kepada pemilihan semula oleh pemegang-pemegang saham.

Pengarah yang baru dilantik oleh Lembaga hendaklah tertakluk kepada pemilihan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan seterusnya yang diadakan selepas pelantikannya.

## 2. GANJARAN PENGARAH

**(a) Polisi dan Prosedur Ganjaran**

Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Ganjaran pada 22 November 2001, selaras dengan Kod. Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini adalah untuk mengajukan saranan kepada Lembaga tentang semua ciri-ciri ganjaran dan syarat-syarat perjawatan bagi Pengarah Eksekutif, dengan mendapatkan nasihat dari luar jika perlu.

At Present The Remuneration Committee comprises of two (2) non-executive Directors, one (1) of whom is independent. The Committee met once (1) during the financial year ended 31 December 2002.

Remuneration of the executive Director is recommended by the Remuneration Committee to the Board and is structured to link rewards to corporate and individual performance.

The Board as a whole decides on the remuneration of non-executive Directors, with the individual Director concerned abstaining from discussion of his own remuneration.

Directors' fees are paid to the Directors upon approval by the shareholders in the Annual General Meeting.

#### (b) Directors' Remuneration

The aggregate remuneration received by Directors of the Company for the financial year ended 31 December 2002 are as follows:-

Pada masa ini, Jawatankuasa Ganjaran terdiri daripada dua (2) orang Pengarah bukan eksekutif, seorang daripadanya Pengarah bebas. Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak sekali (1) sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Ganjaran Pengarah eksekutif disarankan oleh Jawatankuasa Ganjaran kepada Lembaga dan distrukturkan untuk mengaitkan ganjaran dengan prestasi korporat dan prestasi peribadi.

Lembaga secara keseluruhannya memutuskan ganjaran Pengarah-Pengarah bukan eksekutif, dengan setiap Pengarah berkenaan tidak turut serta dalam perbincangan mengenai ganjarannya sendiri.

Yuran Pengarah dibayar kepada para Pengarah dengan kelulusan daripada para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan.

#### (b) Ganjaran Pengarah

Imbuan yang diterima oleh Pengarah-pengarah Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 adalah seperti berikut:-

	Salaries Gaji (RM)	Fees Yuran (RM)	Bonus Bonus (RM)	Allowances Elaun (RM)	Total Jumlah (RM)
Executive Director/Pengarah Eksekutif	230,981	24,000	17,694	23,550	296,225
Non-Executive Directors/Pengarah Bukan Eksekutif	—	219,520	—	173,250	392,770
<b>TOTAL/JUMLAH</b>	230,981	243,520	17,694	196,800	688,995

The numbers of Directors of the Company whose total remuneration fall within the respective bands are as follows:-

Bilangan Pengarah dalam setiap kumpulan ganjaran adalah seperti berikut:-

Range of Remuneration Julat Ganjaran	Executive Eksekutif	Non-Executive Bukan Eksekutif
Below/Bawah RM50,000	—	10
RM50,001 to/kepada RM100,000	—	2
RM250,001 to/kepada RM350,000	1	

### 3. RELATIONS WITH SHAREHOLDERS

The company's annual report, announcements made via the KLSE and circulars are substantial means of communicating with the shareholders.

The Annual General Meeting and Extraordinary General Meeting is the principal forum for dialogue with individual shareholders and investors. The shareholders are encouraged to attend and participate in the general meetings. Questions asked by shareholders are answered in detail at the general meeting itself or thereafter.

Shareholders are welcomed to raise queries by contacting the Company at any time and not just at general meetings and the queries will be attended to promptly by the relevant officers.

### 4. ACCOUNTABILITY AND AUDIT

#### (a) Financial Reporting

In presenting the annual financial statements and quarterly announcement of results to the shareholders, the Board of Directors takes responsibility to present a balance and understandable assessment of the Company and Group's position and prospects.

The Responsibility Statement by the Directors in accordance with the KLSE Listing Requirements is set out on page 35.

#### (b) Internal Control

The Board has overall responsibility for maintaining a sound system of internal control, which includes financial controls, operational controls, compliance monitoring as well as risk management in order to safeguard shareholders' investment and the Company's assets.

During the financial year, a review on the state of internal control of the Company and the Group was undertaken and Enterprise Wide Risk Management was implemented.

The Company's in-house internal audit function regularly monitors and reports on the internal financial and operational control systems and risk management to the Audit Committee for its review.

#### (c) Relationship with Auditors

The Board maintains a formal and transparent relationship with the Company's auditor in seeking their professional services and advice.

### 3. HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG SAHAM

Laporan tahunan Syarikat, pengumuman melalui BSKL dan pekeliling merupakan cara perhubungan yang berkesan dengan pemegang saham.

Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa merupakan forum utama untuk berdialog dengan pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur. Pemegang saham digalakkan menghadiri dan menyertai perbincangan di mesyuarat agung. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh pemegang saham dijawab dengan terperinci dalam mesyuarat agung sendiri atau selepas itu.

Pemegang saham dialu-alukan untuk mengemukakan pertanyaan dengan menghubungi Syarikat pada bila-bila masa dan bukan sekadar semasa mesyuarat agung dan pertanyaan akan dilayani dengan serta merta oleh pegawai yang berkenaan.

### 4. KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

#### (a) Laporan Kewangan

Dalam menyampaikan penyata kewangan tahunan dan pengumuman keputusan suku tahunan kepada pemegang saham, Lembaga bertanggungjawab mengemukakan penilaian yang seimbang dan dengan cara yang mudah difahami tentang kedudukan serta prospek Syarikat dan Kumpulan.

Penyata Tanggungjawab para Pengarah selaras dengan Peraturan-Peraturan Penyenaraian BSKL dikemukakan pada halaman 35.

#### (b) Kawalan Dalaman

Lembaga mempunyai tanggungjawab menyeluruh untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap, yang termasuk kawalan kewangan, kawalan operasi, pemantauan kepatuhan di samping pengurusan risiko demi melindungi pelaburan pemegang-pemegang saham dan aset-aset Syarikat.

Dalam tahun kewangan, kajian tentang keadaan kawalan dalaman Syarikat dan Kumpulan telah dilaksanakan dan suatu Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh (Enterprise Wide Risk Management) dilaksanakan.

Fungsi audit dalaman adalah bertanggungjawab untuk membantu pihak Lembaga untuk memantau dan melaporkan keadaan sistem kawalan kewangan dan operasi dalaman serta pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Audit untuk kajian dan penilaian.

#### (c) Hubungan dengan Juruaudit

Lembaga mengekalkan hubungan yang jelas dan formal dengan juruaudit Syarikat dalam usaha mendapatkan perkhidmatan dan nasihat profesional mereka.

The external auditors have an obligation to bring any significant defects to the Group's system of control and compliance to the attention of the management and if necessary, to the Audit Committee and the Board.

## ADDITIONAL COMPLIANCE INFORMATION

### 1. Material Contracts Involving Directors' and Major Shareholder's Interests

None of the Directors and major shareholders had any material contracts with the Company during the financial year ended 31 December 2002.

### 2. Sanctions and/or Penalties Imposed

There were no sanctions and/or penalties imposed on the Company by the relevant regulatory bodies during the financial year ended 31 December 2002.

### 3. Non-Audit Fees

The amount for non-audit fees paid or payable to the external auditors and their associates for the financial year ended 31 December 2002 is RM363,982.00.

## DIRECTORS' RESPONSIBILITY STATEMENT

The Board is responsible for ensuring that the financial statements of the Company and Group give a true and fair view of the state of affairs of the Company and Group.

The Board of Directors ensured that in preparing the financial statements:-

- The Group and the Company have used appropriate accounting policies that are consistently applied.
- Reasonable and prudent judgements and estimates were made where applicable; and
- All applicable approved accounting standards in Malaysia have been followed.

The Directors are responsible for ensuring that the Company maintains accounting records that disclose with reasonable accuracy the financial position of the financial statements comply with the Companies Act, 1965. The Statement of Directors pursuant to Section 169(15) of the Companies Act 1965 is set out on page 68 of this Annual Report.

The Directors have general responsibilities for taking such steps that the reasonably available to them to safeguard the assets of the Group, and to prevent and detect fraud and other irregularities.

Juruaudit luar mempunyai obligasi untuk membawa kepada perhatian pihak pengurusan dan jika perlu kepada pihak Jawatankuasa Audit dan Lembaga, sebarang kelemahan ketara pada sistem kawalan dan kepatuhan Kumpulan.

## MAKUMAT KEPATUHAN TAMBAHAN

### 1. Kontrak Penting Melibatkan Kepentingan Pengarah Dan Pemegang Saham Utama

Tidak ada Pengarah atau pemegang saham utama yang mempunyai kontrak penting dengan Syarikat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

### 2. Pengegaan Sekatan dan/atau Hukuman

Tiada sekatan dan/atau hukuman yang dikenakan ke atas Syarikat oleh badan pengawal selia yang berkaitan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

### 3. Yuran bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada juruaudit luar dan sekutunya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 ialah RM363,982.00.

## PENYATA TANGGUNGJAWAB PARA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penyata-penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai hal ehwal Syarikat dan Kumpulan.

Lembaga Pengarah telah memastikan bahawa dalam penyediaan penyata-penyata kewangan:-

- Kumpulan dan Syarikat menerima pakai polisi-polisi perakaunan yang wajar secara konsisten;
- Keputusan dan anggaran yang munasabah dan bijaksana dibuat di mana berkaitan; dan
- Segala piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia telah diikuti.

Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang menggambarkan dengan ketetapan yang munasabah kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat, dan membolehkan mereka memastikan penyata-penyata kewangan mematuhi Akta Syarikat, 1965. Penyata oleh Pengarah-Pengarah selaras dengan Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965 dikemukakan pada muka surat 106 Laporan Tahunan ini.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab umum untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi memelihara aset-aset Kumpulan dan mengelakkan serta mengesan penipuan dan lain-lain yang di luar aturan.

# Audit Committee report

## A. MEMBERSHIP

The Committee comprises of the following members:-

1. **DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD**  
Chairman/Senior Independent Non-Executive Director
2. **DATO' KHALID BIN MOHAMAD JIWA**  
Independent Non-Executive Director
3. **ENCIK ABDULLAH BIN A. RASOL**  
Independent Non-Executive Director
4. **DATO' HAJI MOHAMAD NOR BIN ALI**  
Non-Independent Non-Executive Director
5. **TUAN HAJI LIAS BIN MOHD NOOR**  
Non-Independent Non-Executive Director

## B. TERMS OF REFERENCE

### 1.0 Composition

- 1.1 Members of the Audit Committee shall be appointed by the Board from amongst the Directors of the Company and shall comprise of at least three (3) members, a majority of whom shall be Independent Directors.
- 1.2 The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from among their number who shall be an Independent Director.
- 1.3 No alternate director shall be appointed as a member of the Audit Committee.
- 1.4 At least one member of the Audit Committee:-
  - i. Must be a member of the Malaysian Institute of Accountants; or
  - ii. If he is not a member of the Malaysia Institute of Accountants, he must have at least three years working experience and:-
    - a. he must have passed the examinations specified in Part I of the Schedule of the Accountants Act 1967; or
    - b. he must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act. 1967.

- 1.5 The Board shall review the term of office and performance of the Audit Committee and each of its members at least once in every three (3) years to determine have carried out their duties in accordance with their terms of reference.

- 1.6 In the event of any vacancy in the Audit Committee resulting in non-compliance with 1.1 and 1.4 above, the Board must fill the vacancy within three (3) months.

### 2.0 Objectives

The primary objectives of the Audit Committee are to:-

- 2.1 Assist the Board of Directors in discharging its responsibilities by reviewing the adequacy and integrity of the Group's internal control system and management system including systems for compliance with applicable laws, regulations, rules and guidelines.
- 2.2 Maintain, by scheduling regular meetings, open lines of communications between the Board, the external auditors, the management and internal auditors.
- 2.3 To review the quality of the audits conducted both by the internal and external auditors of the Company.

# Laporan Jawatankuasa Audit

## A. KEAHLIAN LEMBAGA

Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:-

1. **DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD**  
Pengerusi/Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif
2. **DATO' KHALID BIN MOHAMAD JIWA**  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
3. **ENCIK ABDULLAH BIN A. RASOL**  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
4. **DATO' HAJI MOHAMAD NOR BIN ALI**  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
5. **TUAN HAJI LIAS BIN MOHD NOOR**  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

## B. BIDANG RUJUKAN

### 1.0 Keanggotaan

- 1.1 Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh Lembaga di kalangan para Pengarah Syarikat dan terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) ahli, yang majoritinya merupakan pengarah bebas.
- 1.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik Pengerusi di kalangan ahli mereka, dan beliau hendaklah merupakan Pengarah Bebas.
- 1.3 Pengarah ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.
- 1.4 Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:-
  - i. Mestilah merupakan ahli Institut Perakaunan Malaysia; atau
  - ii. Sekiranya beliau bukan ahli Institut Perakaunan Malaysia, beliau mesti mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya tiga tahun dan:-

- a. beliau mestilah lulus peperiksaan yang ditetapkan pada Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Perakaunan 1967; atau
- b. beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang ditetapkan pada Bahagian II, Jadual Akta Akauntan 1967.

1.5 Lembaga hendaklah mengkaji tempoh memegang jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap seorang ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun untuk menentukan sama ada Jawatankuasa Audit telah menjalankan tugasnya mengikut bidang rujukannya.

1.6 Sekiranya terdapat kekosongan dalam Jawatankuasa Audit yang menyebabkan perenggan 1.1 dan 1.4 di atas tidak dipatuhi, Lembaga mesti memenuhi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan.

### 2.0 Objektif

Objektif-objektif utama Jawatankuasa Audit ialah:-

- 2.1 Membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan Kumpulan, termasuk sistem-sistem bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan dan garis panduan yang berkenaan.
- 2.2 Memastikan komunikasi terbuka antara Lembaga, Juruaudit Luaran, pihak pengurusan dan Juruaudit Dalaman dengan mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa.
- 2.3 Menilai kualiti yang dijalankan oleh juruaudit dalaman dan luaran Syarikat.

### 3.0 Authority

- 3.1 The Audit Committee is authorized by the Board to investigate any matter within its terms of reference, to obtain the resources which it needs, and to have full and unrestricted access to information pertaining to the Company and the Group. It is authorized to seek any information it requires from any employee and all employees are directed to co-operate with any request made by the Audit Committee.
- 3.2 The Audit Committee shall have direct communication channel with the external and internal auditors.
- 3.3 The Audit Committee is authorized by the Board to obtain independent professional or other advice at the Company's expense and to invite outsiders with relevant experience and expertise to attend meetings if it considers this necessary.

### 4.0 Duties and Responsibilities

- 4.1 To review with the external auditors, the nature and scope of their audit plan, their evaluation of the system of internal controls and their management letter and discuss any matter that the external auditors may wish to raise in the absence of the management, where necessary.
- 4.2 To review with the auditors, their evaluation of the system of internal accounting control.
- 4.3 To review the quarterly results and year-end financial statements of the Company and the Group before recommending for approval by the Board, focusing particularly on:-
  - i. any changes in accounting policies and practices;
  - ii. significant adjustment arising from the audit; and
  - iii. compliance with accounting standards and other legal requirements.
- 4.4 To review with the external and internal auditors whether the employees of the Group have given to them appropriate assistance in discharging their duties.
- 4.5 To review the adequacy of the scope, function and resources of the internal audit function and that it has the necessary authority to carry out its work.
- 4.6 To review the internal audit plan and processes, the results of the internal audit program or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken by management on the recommendations of the internal auditors.
- 4.7 To appraise the performance of head of internal audit and to review the appraisals for senior staff members of internal audit function and to approve any appointment or termination of the head of internal audit and senior staff members of the internal audit function.
- 4.8 To review any related party transaction that may arise within the Company or the Group, including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of management integrity.
- 4.9 To assist the Board on the appointment and resignation of the external auditors and to recommend the nomination of a person or persons as external auditors, to negotiate on the auditors' fee, after taking into consideration the independence and objectivity of the external auditors and the cost effectiveness of their audit.
- 4.10 Where the Audit Committee is of the view that a matter reported by it to the Board has not been satisfactorily resolved resulting in a breach of the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange ("Exchange") the Audit Committee shall promptly report such matter to the Exchange.
- 4.11 To undertake any other functions as may be agreed by the Audit Committee and the Board.

### 5.0 Meetings

- 5.1 Meeting shall be held at least four (4) times a year, Additional meeting may be called any time at the discretion of the Chairman of the Committee.
- 5.2 The quorum for each meeting shall comprise of at least two (2) members and the majority of members present shall be Independent Directors.
- 5.3 The Audit Committee has the discretion to invite other Directors, members of the management and employees of the Group, and/or the external auditors to its meetings.
- 5.4 The Company Secretary shall be the Secretary of the Committee.

### 3.0 Kuasa

- 3.1 Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk menyiasat sebarang perkara dalam bidang rujukannya, untuk mendapatkan sumber yang diperlukannya, dan hendaklah diberi capaian yang penuh dan tidak terhad kepada maklumat berkenaan Syarikat dan Kumpulan. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat yang diperlukannya daripada mana-mana kakitangan dan semua kakitangan diarahkan untuk memberikan kerjasama bagi memenuhi permintaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit.
- 3.2 Jawatankuasa Audit hendaklah mempunyai saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luaran dan juruaudit dalaman.
- 3.3 Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk mendapatkan nasihat profesional atau nasihat lain yang bebas atas perbelanjaan Syarikat dan untuk menjemput pihak luar dengan pengalaman dan kepakaran yang berkenaan untuk menghadiri mesyuarat yang dianggapnya perlu.

### 4.0 Tugas dan Tanggungjawab

- 4.1 Mengkaji bersama juruaudit luaran, ciri dan skop rancangan audit mereka, penilaian sistem kawalan dalam yang dibuat mereka dan surat pengurusan mereka dan membincangkan sebarang perkara yang mungkin ingin ditimbulkan oleh juruaudit luaran, tanpa kehadiran pihak pengurusan, sekiranya perlu.
- 4.2 Mengkaji penilaian yang dibuat tentang sistem kawalan perakaunan dalaman bersama para juruaudit.
- 4.3 Mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Syarikat dan Kumpulan sebelum mencadangkan agar ia diluluskan oleh Lembaga, dengan memberi tumpuan khususnya kepada:-
  - i. sebarang perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
  - ii. sebarang pelarasan penting yang dibuat semasa audit; dan
  - iii. pematuhan kepada piawai perakaunan dan keperluan undang-undang lain.
- 4.4 Membuat kajian bersama juruaudit luaran dan dalaman sama ada kakitangan Kumpulan telah memberikan mereka bantuan yang sewajarnya semasa menjalankan tugas mereka.
- 4.5 Mengkaji sama ada skop, fungsi dan sumber bahagian audit dalaman adalah mencukupi serta mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya.

- 4.6 Mengkaji rancangan dan proses audit dalaman, keputusan program audit dalaman atau keputusan penyiasatan yang dilakukan dan mengkaji sama ada tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak pengurusan terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh juruaudit dalaman.
- 4.7 Menilai prestasi ketua jabatan audit dalaman dan mengkaji penilaian prestasi anggota kakitangan kanan bahagian audit dalaman dan meluluskan sebarang pelantikan atau pemberhentian ketua jabatan audit dalaman dan anggota kakitangan kanan jabatan audit dalaman.
- 4.8 Mengkaji sebarang urusan niaga pihak berkaitan dan situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat atau Kumpulan, termasuk sebarang urusan niaga, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan tentang keutuhan pihak pengurusan.
- 4.9 Membantu Lembaga dalam hal ehwal berkaitan pelantikan dan peletakan jawatan juruaudit luaran dan mencadangkan pencalonan pihak atau pihak-pihak tertentu sebagai juruaudit luaran setelah merujuk kepada tahap keberkesanan audit mereka dan juga kadar kos.
- 4.10 Apabila jawatankuasa Audit berpendapat bahawa sesuatu perkara yang dilaporkan ke Lembaga tidak dapat diselesaikan dengan cara yang memuaskan, dan seterusnya menyebabkan Keperluan Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur ("Bursa") tidak dipatuhi, Jawatankuasa Audit perlu melaporkan perkara tersebut kepada Bursa.
- 4.11 Menjalankan sebarang tugas lain yang mungkin dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga.

### 5.0 Mesyuarat

- 5.1 Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa atas budi bicara Pengerusi Jawatankuasa Audit.
- 5.2 Kuorum bagi setiap mesyuarat mestilah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) ahli dan majoriti ahli yang hadir hendaklah merupakan Pengarah Bebas Syarikat.
- 5.3 Jawatankuasa Audit, atas budi bicaranya sendiri, boleh menjemput Pengarah lain anggota pihak pengurusan dan kakitangan Kumpulan, dan/atau juruaudit luaran ke mesyuarat jawatankuasa.
- 5.4 Setiausaha Syarikat hendaklah menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

# Statement of Internal Control

“Since we implemented Enterprise Wide Risk Management, all activities to strengthen corporate governance and internal control have been consolidated under one single effort. Risk are now being managed according to it's criticality and all efforts are focused towards achieving the Company's vision, mission and goals”

**YH DATO' MOHAMED AMIN HAJI DAUD**  
SENIOR INDEPENDENT NON EXECUTIVE DIRECTOR  
for and on behalf of the Board

## BOARD'S RESPONSIBILITIES

Paragraph 15.27(b) of the Listing Requirements of the Kuala Lumpur Stock Exchange requires the Board of Directors of a listed company to include in its annual report a “statement about the state of internal control of the company as a Group”.

The Board acknowledges its responsibility of ensuring the effectiveness and adequacy of the internal control system to cover risk management, financial, operational and compliance controls within the Group.

## ENTERPRISE WIDE RISK MANAGEMENT

The Company has moved further ahead from its success of implementing basic framework for risk management and internal control in 2001. The Audit Committee has actively participated in discussion with the Internal Audit function and Senior Management team in formulating the best approach towards strengthening corporate governance and internal control. We are happy to announce that the Company has now subscribed to the principals of Enterprise Wide Risk Management.

## STRENGTHENING OF INTERNAL CONTROL

The Company has re-structured its organizational structure so as to be more focused on delivering products and services to our core customers. The Audit Committee has played an active role in assisting Management in developing a formal schedule of matters (delegation of authority). Roles, responsibilities, authorities and

relationship between the Board, its Committees and Management has been detailed out and formalized. This would in return, act as one of the core internal control mechanism for the Company. The Audit Committee shall also periodically review all internal control mechanism so as to ensure its strengths are being maintained and weaknesses are being remedied. The Board, however, does not regularly review the internal control system of its associated companies, as the Board does not have any direct control over their operations.

## IMPROVEMENTS OF MANAGEMENT PROCESSES

Leveraging on the Company's operating unit, Pasdec Corporation Sdn. Bhd.'s success in retaining its MS ISO 9002:1994 certification which is currently being upgraded to MS ISO 9001:2000, continuous efforts are being undertaken to further improve the current set of policies and procedures which governs all core processes and activities. A new Contract Management System is now in place and governs the Project Department and Tender Committee in delivering their roles and responsibilities. The Company has also implemented Operational Key Performance Indicators which forms as a key component in Performance Management System and significantly improves the quality of information being used in the decision making process.

## COMPLIANCE TO THE CODE OF CORPORATE GOVERNANCE

We have also benchmarked our efforts according to the Malaysian Code of Corporate Governance issued by the Malaysian Institute of Corporate Governance and the Statement of Internal Control (Guidance for Directors of Public Listed Companies) issued by The Institute of Internal Auditors of Malaysia (jointly termed as the 'Codes'). A Corporate Governance Diagnostic and Internal Control assessments were undertaken to ensure that the company complies with the principals of the Codes. Minor gaps were identified and we are happy to note that remedial actions are being undertaken.

## THE YEAR AHEAD

We are confident that Enterprise Wide Risk Management will take us along the right path towards instilling a strong corporate governance and internal control culture in the Company. The journey has started; we expect many challenges ahead and shall not be complacent with the current success. Risks cannot be totally eliminated. However, we shall strive hard towards reducing the impact of risks so as the Company's vision, mission and goals can be achieved and value can be created for our shareholders.

# Penyata Kawalan Dalaman

“Semenjak kami melaksanakan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh, semua usaha untuk meneguhkan tadbir urus korporat dan kawalan dalaman dilaksanakan secara bersepadu. Risiko diuruskan mengikut kadar kepentingannya dan segala usaha difokus terhadap pencapaian visi, misi dan hala tuju syarikat”

**YH DATO' MOHAMED AMIN HAJI DAUD**  
PENGARAH BEBAS KANAN BUKAN EKSEKUTIF  
untuk dan bagi pihak Lembaga Pengarah

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Para 15.27(b) di dalam syarat penyenaian Bursa Saham Kuala Lumpur menyatakan bahawa syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa perlu membuat “kenyataan berkenaan status kawalan dalaman syarikat sebagai sebuah Kumpulan”.

Pihak Lembaga mempunyai tanggungjawab secara keseluruhan untuk memastikan kadar keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman yang merangkumi pengurusan risiko, kewangan, operasi dan tahap kepatuhan terhadap sistem kawalan dalaman Kumpulan.

## SISTEM PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

Setelah berjaya mengadakan asas bagi sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam tahun 2001, pihak Syarikat kini melangkah ke hadapan di dalam usaha untuk meneguhkan lagi aktiviti tadbir urus korporat dan sistem kawalan dalaman. Pihak Jawatankuasa Audit, Divisyen Audit Dalaman serta pihak Pengurusan Kanan telah berusaha untuk mengolah perancangan terbaik bagi meneguhkan tadbir urus korporat dan sistem kawalan dalaman. Kami ingin mengumumkan bahawa Syarikat kini telah pun melaksanakan prinsip-prinsip Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh.

## MENEGUHKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Syarikat telah pun merombak struktur organisasi untuk memastikan pihak Syarikat mampu untuk memberikan produk dan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan utama kami. Pihak Jawatankuasa Audit telah secara langsung membantu pihak Pengurusan dalam mengenal pasti dan melaksanakan dokumen serah kuasa (“PASDEC Authority Limit”). Segala peranan,

tanggungjawab dan bidang kuasa di antara pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah dikenalpasti. Pihak Lembaga Pengarah telah pun menyerahkan kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah dan Pengurusan seperti yang telah dikenalpasti di dalam dokumen serah kuasa. Dokumen ini adalah di antara teras kepada sistem kawalan dalaman Syarikat. Pihak Jawatankuasa Audit juga akan dari masa ke semasa memantau kadar keutuhan sistem kawalan dalaman bagi memastikan tahap keutuhan yang tinggi dikekalkan dan kelemahan diperbaiki. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga tidak melaksanakan penganalisan yang berjadual terhadap status kawalan dalaman syarikat-syarikat bersekutu kerana pihak Lembaga tidak mempunyai kuasa mutlak untuk mengawasi operasi syarikat-syarikat bersekutu.

## PENAMBAHBAIKAN TERHADAP SISTEM PENGURUSAN

Walaupun syarikat operasi kami, Pasdec Corporation Sdn. Bhd. berjaya mengekalkan persijilan MS ISO 9002:1994 yang kini sedang dinaikkan tarafkan kepada MS ISO 9001:2000, kami masih senantiasa memperbaiki dokumen polisi dan prosedur yang merangkumi segala proses dan aktiviti utama. Sistem Pengurusan Kontrak telah pun dilaksanakan bagi membantu Bahagian Projek dan Jawatankuasa Tender untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Penunjuk Pencapaian Operasi juga telah mula digunakan sebagai asas untuk Sistem Pengurusan Prestasi dan meningkatkan kualiti maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan.

## KEPATUHAN TERHADAP KOD TADBIR URUS KORPORAT

Kami telah melaksanakan analisa berkenaan cara Tadbir Urus Korporat serta Status Kawalan Dalaman Syarikat. Analisis-analisis berkenaan dilaksanakan untuk memastikan agar cara tadbir urus serta sistem kawalan dalaman syarikat adalah mengikuti kod Kenyataan Kawalan Dalaman (Panduan Bagi Pihak Pengarah Syarikat Awam) yang dikeluarkan oleh pihak Institut Audit Dalam Malaysia serta Kod Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia. Beberapa ketidakpatuhan kecil telah dikenal pasti dan pihak Jawatankuasa Audit berpuas hati dengan pelaksanaan tindakan susulan bagi memperbaiki ketidakpatuhan tersebut.

## TAHUN AKAN DATANG

Kami yakin bahawa pelaksanaan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh akan membantu kami dalam mengujudkan budaya tadbir urus korporat dan kawalan dalaman yang teguh. Perjuangan kini bermula; kami pasti masih ada halangan yang perlu di atasi dan kami tidak akan lalai. Risiko tidak mungkin diatasi sepenuhnya. Tetapi, kami akan berusaha keras bagi mengurangkan kesan risiko-risiko tersebut bagi memastikan agar segala visi, misi dan hala tuju Syarikat dapat dicapai dan agar kami mampu untuk memberikan pulangan kepada pemegang-pemegang saham.

*A spirit of*

***excellence***

*Semangat kecemerlangan*



We **CONTINUOUSLY** formulate

training workshops for our staff

so we can serve you **BETTER**.



Kami mengadakan bengkel latihan secara

berterusan untuk kakitangan kami agar dapat

memberi perkhidmatan yang terbaik untuk anda.

Letter From


# chairman

Perutusan Daripada Pengerusi

Repositioning For  
**THE FUTURE**

Bersedia Menghadapi Masa Depan

**Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob**  
Chairman / Pengerusi



Against a challenging operating environment, I am pleased to report that PASDEC has demonstrated its resilience to remain a profitable Company.

Berlatarkan persekitaran operasi yang mencabar, saya bangga untuk melaporkan bahawa PASDEC telah membuktikan daya ketahanannya untuk kekal sebagai sebuah Syarikat yang mencatat keuntungan.

#### DEAR SHAREHOLDERS,

On behalf of the Board of Directors, it gives me great pleasure to present this Annual Report and Audited Accounts of Pasdec Holdings Berhad (PASDEC) for the financial year ended 31 December 2002.

#### OPERATING ENVIRONMENT

PASDEC operates in a challenging business environment. While the recovery of the Malaysian economy gained momentum in 2002, growth was somewhat affected by lingering uncertainties in the external environment in the aftermath of the 11 September attack on America. For the year as a whole, the Malaysian economy grew by 4.2% compared with 0.4% in 2001, driven mainly by strong domestic demand.

Economic growth in 2002 was broad based, with the main impetus emanating from the services and manufacturing sectors. Growth in the construction sector, which has a bearing on PASDEC's core property development business, was maintained at 2.3%. Although new construction in the residential sub-sector remained strong, overall demand for properties moderated in 2002. The exception was for affordable and landed properties in choice locations with good accessibility, where demand was sustained (*Bank Negara Malaysia Annual Report 2002*).

#### PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, dengan amat suka citanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Beraudit Pasdec Holdings Berhad (PASDEC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

#### PERSEKITARAN OPERASI

PASDEC beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang mencabar. Walaupun pemulihan ekonomi Malaysia semakin pesat pada tahun 2002, pertumbuhan agak terjejas oleh ketidakpastian persekitaran luar yang berlarutan akibat serangan 11 September ke atas Amerika. Bagi tahun lalu, ekonomi Malaysia tumbuh sebanyak 4.2% berbanding 0.4% pada tahun 2001, didorong terutamanya oleh permintaan domestik yang teguh.

Pertumbuhan ekonomi pada tahun 2002 adalah meluas, dengan dorongan utama daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pertumbuhan sektor pembinaan, yang mempengaruhi perniagaan teras PASDEC dalam bidang pembangunan hartanah, kekal pada kadar 2.3%. Walaupun pembinaan baru dalam subsektor kediaman tetap kukuh, permintaan keseluruhan terhadap unit-unit hartanah menjadi agak sederhana pada tahun 2002. Pengecualian adalah terhadap unit-unit bertanah yang mampu dibeli di lokasi-lokasi yang baik di mana permintaan terus kekal (*Laporan Tahunan 2002 Bank Negara Malaysia*).

The number of property-related transactions recorded for 2002 stood at 231,394, a marginal decrease of 4.6% from 2001. The residential sector remained the main sector driving the market, accounting for 70.1% of all transactions. Measures in the 2002 Budget, which included tax cuts, along with a low interest rate regime, attractive loan packages and promotion of home ownership via the stamp duty waiver in the first half of 2002, lent support to residential development.

However, the pace of property market activities in the respective states was mixed. Transactions in Kuala Lumpur, Johor and Terengganu rebounded, while property transactions in all other states contracted within the range of 1.1% to 12.9% (*Property Market Report 2002*). Notwithstanding these numbers, higher average values were noted for properties in the residential sector. According to the Residential Property Stock Report (RPSR) for the third quarter (Q3) of 2002, one of the best states to invest in housing and wait for capital gains could be Pahang. The State recorded median price increases of 2.41% to 48.18% for terraced and double-storey semi-detached houses in 2002 Q3, compared with the previous corresponding quarter.

## FINANCIAL PERFORMANCE

Against a challenging operating environment, I am pleased to report that PASDEC has demonstrated its resilience to remain a profitable Company. Turnover for the year under review ended 31 December 2002 was recorded at RM87.8 million, a 28% increase from 2001. Improved turnover was attributed mainly to measures in place to expedite the progress of various projects undertaken by the subsidiaries. The year in review also saw higher sales arising from improved demand for building materials from contractors.

*Teruntum Complex – Our Corporate Office is situated in one of the most recognisable building in Kuantan town*

*One of our many housing schemes in Bandar Indera Mahkota*

*Kompleks Teruntum – Pejabat Korporat kami menghuni salah sebuah bangunan yang paling unggul di bandar Kuantan*

*Salah satu daripada berbilang skim perumahan di Bandar Indera Mahkota*





An overview of Bandar Gebeng, a township designed with eco-friendliness in mind

Gambaran keseluruhan Bandar Gebeng, perbandaran yang direka bentuk dengan mengambil kira pemeliharaan ekologi



Bilangan urus niaga berhubung hartanah yang tercatat pada tahun 2002 ialah 231,394, suatu susutan kecil sebanyak 4.6% daripada tahun 2001. Sektor kediaman kekal sebagai sektor utama yang mendorong pasaran, dengan membentuk 70.1% daripada semua urus niaga. Langkah-langkah dalam Belanjawan 2002, yang merangkumi potongan cukai, berserta aturan kadar faedah yang rendah, pakej pinjaman yang menarik dan promosi pemilikan rumah melalui pengecualian duti setem pada separuh pertama tahun 2002, memberikan sokongan terhadap pembangunan hartanah kediaman.

Walau bagaimanapun, kecergasan kegiatan pasaran hartanah berbeza-beza di setiap negeri. Urus niaga di Kuala Lumpur, Johor dan Terengganu kembali rancak, manakala urus niaga hartanah di semua negeri lain merosot pada kadar 1.1% hingga 12.9% (*Laporan Pasaran Hartanah 2002*). Namun demikian, nilai purata yang lebih tinggi dicapai bagi hartanah sektor kediaman. Menurut Laporan Stok Hartanah Kediaman (RPSR) bagi suku ketiga (Q3) tahun 2002, Pahang adalah mungkin salah satu negeri yang terbaik untuk pelaburan dalam

perumahan dan memperoleh keuntungan modal di masa hadapan. Negeri ini mencatat peningkatan harga median sebanyak 2.41% hingga 48.18% bagi rumah teres dan rumah berkembar dua tingkat pada Q3 2002, berbanding suku tahun yang sama sebelumnya.

## PRESTASI KEWANGAN

Berlatarkan persekitaran operasi yang mencabar, saya bangga untuk melaporkan bahawa PASDEC telah membuktikan daya ketahanannya untuk kekal sebagai sebuah Syarikat yang mencatat keuntungan. Perolehan bagi tahun tinjauan berakhir 31 Disember 2002 berjumlah RM87.8 juta, iaitu meningkat 28% daripada tahun 2001. Perolehan yang meningkat ini berpunca terutamanya daripada langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menyegerakan kemajuan kerja beberapa projek yang diusahakan oleh anak-anak syarikat. Tahun tinjauan juga menyaksikan jualan yang lebih tinggi akibat permintaan yang meningkat terhadap bahan binaan daripada para kontraktor.

However, profit before tax (PBT) declined 29% to RM9.9 million, from RM13.9 million previously recorded. PBT for the year in review included a RM6.7 million profit realised from the disposal of Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC) to Road Builders (M) Holdings Bhd (RBH) for a total consideration of RM32.5 million. The decline in PBT was attributed mainly to lower profit margins recorded by two subsidiaries, Kuantan Tembeling Resort Sdn. Bhd. and Sri Buana Sdn. Bhd. The former was compelled to dispose of RM6.9 million worth of condominium units at discounted prices to reduce holding costs, while Sri Buana Sdn. Bhd. had to contend with stiff competition in the trading of building materials. Contributions from associated companies also declined, notably with the disposal of KPC in March 2002.

Net tangible asset per ordinary share remained the same as the previous year's level of RM1.73, while earnings per share declined marginally to 4.58 sen from the previously recorded 6.21 sen.

### CORPORATE DEVELOPMENT

Several significant corporate developments took place during the year under review. In line with the Group's core business strategy to increase its land bank, the year saw the completion of an exercise to acquire 70% equity interest in Lancar Pintas Sdn. Bhd. (LPSB) from the individual shareholders of the company. With this acquisition, the Group's land bank has increased with the addition of a 47.42 acre parcel of land at the Federal Territory of Labuan belonging to LPSB.



*Kuantan Tembeling Resort  
– The perfect family getaway*

*Kuantan Tembeling Resort  
– Destinasi percutian keluarga*



Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai (PBT) jatuh 29% kepada RM9.9 juta daripada RM13.9 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya. PBT bagi tahun tinjauan termasuk keuntungan RM6.7 juta yang direalisasikan daripada pelupusan Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC) kepada Road Builders (M) Holdings Bhd. (RBH) pada jumlah harga RM32.5 juta. Kemosrotan PBT diakibatkan terutamanya oleh margin keuntungan lebih kecil yang dicatat oleh dua anak syarikat, iaitu Kuantan Tembeling Resort Sdn. Bhd. (KTRSB) dan Sri Buana Sdn. Bhd. (SBSB). KTRSB terpaksa melupuskan unit-unit kondominium bernilai RM6.9 juta pada harga diskaun untuk mengurangkan kos pegangan, manakala SBSB terpaksa menghadapi persaingan sengit dalam perdagangan bahan binaan. Sumbangan daripada syarikat-syarikat bersekutu juga menurun, lebih-lebih lagi dengan pelupusan KPC pada bulan Mac 2002.

Aset ketara bersih sesaham kekal seperti tahun sebelumnya iaitu RM1.73, manakala perolehan sesaham jatuh sedikit kepada 4.58 sen daripada 6.21 sen sebelumnya.

## PERKEMBANGAN KORPORAT

Beberapa perkembangan korporat yang penting berlaku dalam tahun tinjauan. Sejalan dengan strategi perniagaan teras Kumpulan untuk meningkatkan simpanan tanahnya, tahun ini menyaksikan penyempurnaan perolehan 70% daripada kepentingan ekuiti dalam Lancar Pintas Sdn. Bhd. (LPSB) daripada para pemegang saham individu syarikat tersebut. Dengan perolehan ini, simpanan tanah Kumpulan meningkat dengan pertambahan 47.42 ekar tanah milik LPSB di Wilayah Persekutuan Labuan.





*An artist impression of our future development projects*

*Lakaran artis terhadap projek pembangunan masa depan kami*

In a strategic move to streamline the Group's operations, our subsidiary Pasdec Corporation Sdn. Bhd. (PCSB) embarked on an exercise to dispose 10,000,000 ordinary shares of RM1 each, representing 25% equity in KPC to RBH. The divestment exercise was completed during the year for a total purchase consideration of RM32.5 million, satisfied partly by cash and partly by issuance of new ordinary shares in RBH to PCSB. With the disposal, KPC has ceased to be an associate company of the Group.

As at the date of this Report, the disposal of the Group's entire 15.25% of the issued and paid-up capital in Bukit Tinggi Resort Berhad (BTR) to Nostalgia Kiara Sdn. Bhd. and Pasti Eksklusif Sdn. Bhd. and the acquisition of 90.50 acres of land located at Bentong, Pahang Darul Makmur from BTR have been completed.

The acquisition of the entire 70% stake in Treacher Development Sdn. Bhd. from Pembinaan Sri Jati Sdn. Bhd. is pending completion.

## REVIEW OF OPERATIONS

Through its subsidiaries and associate companies, PASDEC is an integrated group carrying out a range of business activities that include property development, project management, manufacturing of bricks, quarrying, trading of building materials and cement manufacturing.

Property development and management remained the Group's core business activity during the year under review. While operating as a business entity, the Group also strives to provide Malaysians with affordable homes. As such, the focus of PASDEC's property development business continued to be on the low, medium-low and medium cost properties, where the demand has remained consistently high. Terraced houses, particularly those priced at RM100,000.00 and below, continued to be among the most sought after properties.



PASDEC's standing and reputation in the business has been established on the strength of the quality of the products and services offered. Our properties are well-known for being good value for money, given their choice location and accessibility being other plus factors.

The Group's integrated development at Bandar Gebeng, Kuantan continued to progress satisfactorily. As envisaged by the master-planners, Bandar Gebeng is shaping up to be an eco-friendly township. Designed to make the most of the natural landscape, the development of medium-cost residential properties will blend in seamlessly with the surroundings. The township will be served by commercial and retail centres, with a host of amenities such as a mosque, children's playground, school, sports and recreational facilities. To date, about 30% of the township have been opened for sale and the response has been very encouraging.



*Another quality project of PASDEC*

*Satu lagi projek berkualiti PASDEC*

*Pahang Cement Sdn. Bhd.  
– One of our associate companies*

*Pahang Cement Sdn. Bhd.  
– Sebuah syarikat sekutu kami*



Sebagai langkah strategik untuk memperkemarkan operasi Kumpulan, anak syarikat kami, Pasdec Corporation Sdn. Bhd. (PCSB) memulakan usaha untuk melupuskan 10,000,000 saham biasa bernilai RM1 sesaham, yang mewakili 25% daripada ekuiti dalam KPC kepada RBH. Usaha pelupusan pelaburan ini telah disempurnakan dalam tahun ini dengan harga jualan sebanyak RM32.5 juta, yang dijelaskan sebahagiannya secara tunai dan sebahagiannya melalui terbitan saham biasa baru dalam RBH kepada PCSB. Dengan pelupusan ini, KPC bukan lagi syarikat sekutu Kumpulan.

Sehingga pada tarikh Laporan ini, pelupusan seluruh 15.25% daripada modal diterbitkan dan berbayar yang dimiliki dalam Bukit Tinggi Resort Berhad (BTR) kepada Nostalgia Kiara Sdn. Bhd. dan Pasti Eksklusif Sdn. Bhd. dan pembelian tanah seluas 90.50 ekar di Bentong, Pahang Darul Makmur daripada BTR telah disempurnakan.

Pemerolehan seluruh kepentingan 70% dalam Treacher Development Sdn. Bhd. daripada Pembinaan Sri Jati Sdn. Bhd. sedang dimuktamadkan.

## TINJAUAN OPERASI

Melalui anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat sekutunya, PASDEC merupakan kumpulan bersepadu yang menjalankan berbagai kegiatan perniagaan termasuk pembangunan hartanah, pengurusan projek, pembuatan batu-bata, pengkuarian, perdagangan bahan binaan dan pengeluaran simen.

Pembangunan dan pengurusan hartanah kekal sebagai kegiatan perniagaan teras Kumpulan pada tahun tinjauan. Dalam beroperasi sebagai sebuah entiti perniagaan, Kumpulan ini juga berusaha untuk menyediakan unit-unit kediaman yang mampu dimiliki oleh warga Malaysia. Oleh itu, operasi pembangunan hartanah PASDEC kekal tertumpu pada unit-unit kos rendah, sederhana rendah dan sederhana, yang mana permintaan terhadap unit-unit tersebut tetap tinggi. Rumah teres, terutamanya yang berharga RM100,000.00 ke bawah, terus menjadi antara hartanah yang paling tinggi permintaannya.

Kedudukan dan reputasi PASDEC dalam perniagaan ini sudah mantap, berkat kelebihan mutu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Harga unit-unit kediaman kami adalah berpatutuan dan terletak dilokasi-lokasi yang baik. Pembangunan bersepadu Kumpulan di Bandar Gebeng, Kuantan terus mencapai kemajuan dengan memuaskan. Sebagaimana dirancang, Bandar Gebeng sedang dalam proses menjadi sebuah bandar mesra alam. Pembangunan yang terdiri daripada unit-unit kediaman kos sederhana rendah direka bentuk untuk memanfaatkan lanskap semula jadi dengan sepenuhnya dan akan bersebuti dengan persekitarannya. Turut dibina adalah pusat-pusat perdagangan dan perniagaan, serta dilengkapi berbagai kemudahan seperti masjid, taman permainan kanak-kanak, sekolah, kemudahan sukan dan rekreasi. Setakat ini, kira-kira 30% daripada perbandaran ini telah dibuka untuk jualan dan sambutan yang diterima sungguh menggalakkan.

Meanwhile, the Group's housing development at Bandar Indera Mahkota, which comprises Mahkota Idaman, Mahkota Perdana and Pasdec Aman, has now reached the final stages of completion. This was achieved notwithstanding the labour shortage faced by the nation's construction industry in the wake of the Government's decision to repatriate illegal foreign workers. Through immediate mitigating measures, PASDEC was able to avert any serious constraints that would impede on the progress of its projects underway. A total of 371 units of houses in Bandar Indera Mahkota will be completed and delivered in mid-2003.

Throughout the years, PASDEC has been fulfilling a social responsibility in providing Malaysians with affordable homes in prime locations. In meeting this objective, our development activities have mainly focused on low to medium-cost houses. However, as a business concern we remain ever alert to unfolding opportunities coming our way. Looking at market trends, we see a growing demand for homes in the higher price ranges. This represents an opportunity for the Group to tap into, not only to ensure its continual profitability but ultimately, enhance shareholder value. Several bungalow units have been launched at Astana Villa catering to the higher-end market. Featuring a larger built-up area amidst lush, landscaped surroundings, the bungalow units are strategically located within the prestigious Astana Golf & Country Club, an 18-hole golf course at Bandar Indera Mahkota.

## COMMITMENT TO QUALITY EXCELLENCE

PASDEC has long subscribed to quality excellence as a key strategy to stay ahead of the competition. This commitment to quality is encapsulated in the Group's Quality Policy Statement, which spells PASDEC's commitment to the highest quality standards in all aspects of its business activities. The Group is continually striving to improve on the effectiveness of its quality management system in order to come up with products and services that will meet the customers' needs and expectations.

As yet another manifestation of PASDEC's commitment to quality, the Group has subscribed to the internationally recognised ISO system of quality standards. PCSB has already earned certification to MS ISO 9002 since 1 February 2000. The certification was again renewed in 2002, attesting to the effectiveness of the quality system in place, reflected in the range of products and services. PCSB is now in the process of upgrading its certification to meet the more stringent requirements of ISO 9001:2000, the third edition in the series of SIRIM certifications.



*We are seen as a trusted and reliable property developer which delivers quality homes*

*Kami diyakini sebagai pemaju hartanah yang boleh dipercayai dan membina kediaman berkualiti*

Sementara itu, pembangunan perumahan Kumpulan di Bandar Indera Mahkota, yang terdiri daripada Mahkota Idaman, Mahkota Perdana dan Pasdec Aman, kini adalah di peringkat terakhir penyempurnaan. Ini telah dicapai walaupun dengan masalah kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh industri pembinaan negara berikutan keputusan Kerajaan untuk menghantar pulang pekerja-pekerja asing ke negeri masing-masing. Melalui langkah-langkah segera, PASDEC berjaya mengatasi masalah serius yang boleh menjejaskan kemajuan projek-projek yang sedang berjalan. Sejumlah 371 unit rumah di Bandar Indera Mahkota akan siap dan diserahkan pada pertengahan tahun 2003.

Sepanjang tahun-tahun yang lalu, PASDEC memenuhi tanggungjawab sosial untuk menyediakan warga Malaysia dengan kediaman yang mampu dimiliki di lokasi-lokasi unggul. Dalam memenuhi objektif ini, kegiatan pembangunan kami tertumpu terutamanya pada rumah-rumah kos rendah hingga sederhana rendah. Sungguhpun begitu, kami sentiasa peka terhadap peluang yang terbuka kepada kami. Dengan memerhatikan arah aliran pasaran, kami mendapati permintaan yang kian meningkat terhadap rumah-rumah dalam lingkungan harga yang lebih tinggi. Ini membuka peluang yang boleh dimanfaatkan oleh


Kumpulan, bukan sekadar untuk menjamin keuntungan yang berterusan, malah, untuk meninggikan nilai pemegang saham. Untuk itu, beberapa unit banglo telah dilancarkan di Astana Villa khusus untuk pasaran yang lebih mewah. Unit-unit banglo yang bercirikan kawasan binaan yang luas dikelilingi persekitaran hijau yang dihiasi lanskap taman ini terletak di kawasan strategik di dalam Astana Golf & Country Club, iaitu sebuah padang golf 18 lubang di Bandar Indera Mahkota.

### KOMITMEN TERHADAP KECEMERLANGAN KUALITI

PASDEC telah sekian lama mengamalkan kecemerlangan kualiti sebagai strategi penting untuk kekal mendahului para pesaing. Komitmen terhadap kualiti ini dirangkumi dalam Kenyataan Dasar Kualiti Kumpulan, yang membutuhkan komitmen PASDEC terhadap piawai kualiti tertinggi dalam semua aspek kegiatan perniagaannya. Kumpulan telah berusaha secara berterusan untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualitinya agar dapat menawarkan produk dan perkhidmatan yang akan memenuhi keperluan dan harapan para pelanggan.

Satu lagi bukti komitmen PASDEC terhadap kualiti ialah kepatuhan Kumpulan terhadap piawai kualiti sistem ISO yang diiktiraf antarabangsa. PCSB sudah pun memperoleh pengiktirafan MS ISO 9002 sejak 1 Februari 2000. Pengiktirafan ini diperbaharui sekali lagi pada tahun 2002, dengan itu memperakui keberkesanan sistem kualiti yang diamalkan, yang dapat dilihat pada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. PCSB kini sedang dalam proses meningkatkan pengiktirafannya untuk menepati keperluan ISO 9001:2000 yang lebih ketat, yang merupakan edisi ketiga dalam siri pengiktirafan SIRIM.





*Our future projects include a fusion of retail offices, world-class complexes, cosy residential homes, resorts and many more*

*Projek-projek kami yang akan datang termasuk paduan kedai pejabat, kompleks bertaraf dunia, kediaman yang selesa, resort dan banyak lagi*

## A CHALLENGING FUTURE

The Malaysian economy has been projected to grow by 4.5% in 2003, sustained mainly by domestic demand. However, the external environment remains fraught with geo-political uncertainties, which will have a dampening effect on domestic growth. Growth in the construction sector is envisaged to moderate to 1.9%, reflecting the slower growth in the civil engineering and residential sub-sectors.

We are heartened by the RM7.3 billion economic package recently launched by the Government to buttress the nation against global uncertainties after the war in Iraq and the outbreak of SARS (Severe Acute Respiratory Syndrome). Among other things, the four-pronged growth plan addresses the needs of the construction industry, including a basket of measures to stimulate domestic economic activity. We particularly welcome the implementation of the Home Ownership for the People (HOPE) project, in line with the Government's continuing efforts to provide low and medium-cost houses for the lower income group. The stimulus package is also aimed at promoting home ownership, through subsidies, tax exemptions on loan interests and exemptions on stamp duty.

On our part, we will continue to support the nationwide effort to ride out these challenging times, by meeting the nation's continuing demand for affordable homes. Several new launches have been planned for the coming year. At the same time, we are

also investing in Research and Development (R&D), with the setting up of a new unit, to gain the edge in adopting the latest technology in product design and construction technology. Through our R&D efforts, we hope to pass on the benefits of improved and more cost-effective design, techniques and products, without compromising on their quality.

A new integrated township covering some 448.48 acres located at Tanjung Lumpur, in the Kuantan district, is also in the pipeline. The acquisition of the freehold land known as Bandar Putra, when completed, will pave the way for construction activities to begin. PASDEC is currently in the process of finalising the masterplan for the township in the making. The proposed township will comprise an optimal mix of residential and commercial development, with a full suite of infrastructure facilities and amenities. Given its choice location and freehold tenure, the new township will undoubtedly be one of the most sought after properties in the fast growing state of Pahang.

Several other projects are in the pipeline that will see the involvement of PASDEC. One of the most significant is the Tanjung Api reclamation project. The master plan calls for the reclamation of 216 hectares of coastal land between Tanjung Api and Tanjung Tembeling, within the Kuantan district. The reclaimed land has been earmarked for a tourist development project, which will serve as a world-class tourist hub as well as residential enclave. The preparation of detailed engineering plans is underway and awaiting re-endorsement from the State Government.



## MASA DEPAN YANG MENCABAR

Ekonomi Malaysia diramalkan akan tumbuh sebanyak 4.5% pada tahun 2003, ditampung terutamanya oleh permintaan domestik. Namun demikian, persekitaran luar tetap dipenuhi ketidakpastian geopolitik, yang akan membawa kesan pelemah ke atas pertumbuhan domestik. Pertumbuhan sektor pembinaan dijangka jatuh ke tahap sederhana 1.9%, mencerminkan pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam dan kediaman yang lebih perlahan.

Kami mengalu-alukan pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion yang dilancarkan baru-baru ini oleh Kerajaan untuk melindungi negara daripada ketidaktentuan global berikutan peperangan di Iraq dan merebaknya wabak SARS (Sindrom Pernafasan Akut Teruk). Antara perkara lain, rancangan pertumbuhan ini memberi perhatian pada keperluan industri pembinaan, termasuk beberapa langkah untuk menggalakkan kegiatan ekonomi domestik. Kami khususnya mengalu-alukan pelaksanaan projek Pemilikan Kediaman bagi Rakyat (HOPE), selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menyediakan rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah bagi golongan berpendapatan rendah. Pakej perangsang ini juga bertujuan menggalakkan pemilikan kediaman melalui subsidi, pengecualian cukai ke atas faedah pinjaman dan pengecualian duti setem.

Sebagai sumbangan kami, kami akan terus menyokong usaha seluruh negara untuk menghadapi waktu yang mencabar ini dengan berjaya, dengan memenuhi permintaan negara yang berterusan terhadap rumah-rumah yang mampu dimiliki. Beberapa pelancaran baru dirancang bagi tahun akan datang. Pada masa yang sama, kami juga melabur dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), dengan penubuhan sebuah unit baru, untuk mengkaji teknologi terkini dalam reka bentuk produk dan teknologi pembinaan. Melalui usaha R&D ini, kami berharap dapat memanfaatkan reka bentuk, teknik dan produk yang lebih baik lagi lebih kos efektif, tanpa menjejaskan mutunya.

Sebuah perbandaran bersepadu baru yang meliputi kawasan seluas kira-kira 448.48 ekar di Tanjung Lumpur, dalam daerah Kuantan, juga sedang dalam perancangan. Pengambilalihan tanah milik kekal yang dikenali sebagai Bandar Putra ini, apabila siap kelak, akan membuka jalan untuk permulaan aktiviti pembinaan yang pesat. PASDEC kini dalam proses memuktamadkan pelan induk bagi perbandaran yang dirancang ini. Cadangan perbandaran ini akan terdiri daripada kombinasi optimum pembangunan kediaman dan perniagaan, dengan segala kemudahan dan prasarana yang lengkap. Memandangkan lokasinya yang strategik dan pegangan milik kekalnya, perbandaran baru ini pasti akan menjadi antara hartanah yang paling menarik di negeri Pahang yang sedang pesat membangun.

Beberapa projek lain yang melibatkan PASDEC turut dalam perancangan. Antara yang utama ialah projek tebus guna tanah pantai Tanjung Api. Pelan induk mengandungi penambakan tanah pantai seluas 216 hektar di antara Tanjung Api dan Tanjung Tembeling, di daerah Kuantan. Tanah yang akan ditambah ini akan dibangunkan dengan projek pelancongan, yang bakal menjadi pusat pelancong bertaraf dunia dan juga sebuah taman kediaman. Penyediaan pelan kejuruteraan terperinci kini sedang berjalan dan projek ini juga sedang menunggu pengesahan semula kelulusan daripada Kerajaan Negeri.

PASDEC akan turut terlibat dalam projek Kuantan Waterfront, yang bakal menjadi sebuah tempat tumpuan baru di ibu negeri Pahang ini. Ia melibatkan pembangunan tanah seluas 2.4 ekar di tebing Sungai Kuantan, untuk dibangunkan menjadi pusat perdagangan dan perniagaan. Fasa I projek ini melibatkan pembinaan bangunan kedai pejabat 6 tingkat, yang akan menempatkan ruang pejabat, ruang perniagaan, gerai makanan dan restoran di bawah satu bumbung. Dalam Fasa 2, sebuah restoran terapung telah dirancang. Projek ini dijangka akan dilancarkan pada tahun 2004.

PASDEC will also be involved in the Kuantan Waterfront project, destined to be a new landmark for the State Capital. This involves the development of 2.4 acres of land at the riverbank of the Sungai Kuantan, for development into a commercial and business centre. Phase 1 of the project will see the construction of a 6-storey retail office building, which will ultimately house an optimal mix of offices, retail shops, food parlours and restaurants under one roof. Under Phase 2, a floating restaurant has been planned. The project is expected to be launched in 2004.

Our order book also includes the construction of Mahkota Square and the re-development of Transit Quarters situated at the heart of Kuantan's town centre. Sitting on 1.04 acres of land, Mahkota Square will be built up to include 15 units of 4 to 6-storey retail cum office buildings. Construction works are expected to begin by end of this year. To be launched in 2004, the re-development of Transit Quarters is a proposed joint-venture project, which will see commercial development on a 38.68-acre plot of land.

As part of our strategy for long-term growth and profitability, we are always seeking new areas to add to our landbank reserves. We are also planning to expand our horizons, diversifying our operations beyond our home state.

While strengthening our core property development businesses, we are also open to new and profitable ventures where we feel we have the necessary capabilities and experience to succeed. In this regard, some of the new potential areas we have identified include the petroleum support industry, agriculture, infrastructure as well as the food industry.

As I see it, despite the uncertainties and other challenges, PASDEC has a promising future provided that all parties concerned must work together and have confidence in ourselves and in PASDEC. We have amassed almost 20 years of knowledge and experience in the business. During this time, we have established a solid reputation for dependability and the quality of the products and services we offer. This will provide PASDEC with a sound foundation to build upon, in readiness for a new phase of growth and profitability.

### ACKNOWLEDGEMENTS

PASDEC owes its success to the hard work and dedication of its management and staff. To all of you, on behalf of the Board, I extend my sincere thanks and gratitude.

Our valued shareholders deserve special thanks for their continued support and loyalty. I also wish to thank our business associates, customers, financiers, consultants and the various regulatory authorities. Their support has made all the difference in a challenging environment.

Last but not least, I must thank the State Government of Pahang for its contribution and support to PASDEC all along and to my fellow members of the Board for their valuable insights and wise counsel. With this team on board, and with your continuing support of all we are trying to achieve, I am confident that PASDEC will scale new heights.

Thank you.



**DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**  
Chairman

3 June 2003



Di antara projek kami akan datang juga termasuk pembinaan Mahkota Square dan pembangunan semula Transit Quarters di pusat bandar Kuantan. Mahkota Square, yang terletak di atas tapak seluas 1.04 ekar, akan dibina dengan bangunan merangkumi 15 unit kedai/pejabat 4 hingga 6 tingkat. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula menjelang penghujung tahun ini. Pembangunan semula Transit Quarters yang akan dilancarkan pada tahun 2004 adalah suatu cadangan projek secara usaha sama yang merupakan pembangunan kawasan perdagangan/ perniagaan di atas tapak seluas 38.68 ekar. Sebagai sebahagian dari strategi untuk menjana pertumbuhan dan keuntungan jangka panjang, kami sentiasa mencari kawasan-kawasan baru untuk menambah simpanan tanah kami. Kami juga sedang merancang untuk meluaskan penceburan kami, dengan mempelbagaikan operasi kami melintasi sempadan negeri.

Sambil memperkukuhkan perniagaan teras kami, iaitu dalam bidang pembangunan hartanah, kami juga terbuka kepada usaha niaga baru yang boleh membawa keuntungan di mana kami rasa kami memiliki keupayaan dan pengalaman yang diperlukan untuk berjaya. Sehubungan dengan ini, antara bidang berpotensi yang telah kami kenal pasti ialah industri sokongan petroleum, pertanian, prasarana dan makanan.



*We are proud to present innovative infrastructure destined to be the new landmark for the State Capital*

*Kami amat berbangga untuk mempersembahkan prasarana inovatif yang bakal menjadi mercu tanda yang baru bagi Ibu Negeri ini*

Pada pandangan saya walaupun menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu dan lain-lain cabaran, PASDEC mempunyai masa depan yang cerah sekiranya semua pihak yang terlibat dapat berkerjasama dan mempunyai keyakinan di dalam diri sendiri dan di dalam PASDEC. Kami telah menghimpunkan pengetahuan dan pengalaman selama hampir 20 tahun dalam perniagaan ini. Sepanjang masa ini, kami telah membina reputasi yang mantap dari segi mutu produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan. Ini akan menjadi asas pembinaan yang kukuh bagi PASDEC, dalam bersiap sedia untuk menghadapi fasa baru pertumbuhan dan keuntungan perniagaan.

## PENGHARGAAN

Kejayaan PASDEC adalah berkat kegigihan dan dedikasi pihak pengurusan dan kakitangannya. Kepada anda semua, bagi pihak Lembaga Pengarah, saya huluskan rasa terima kasih dan penghargaan saya yang ikhlas.

Para pemegang saham kami yang dihargai layak menerima ucapan terima kasih atas sokongan dan kesetiaan mereka yang berterusan.

Saya juga amat berterima kasih kepada para sekutu niaga, pelanggan, pembiaya dan pakar perunding kami, serta pihak-pihak berkuasa yang berkenaan. Sokongan mereka amat bermakna dalam persekitaran yang mencabar ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Pahang kerana telah memberi bantuan dan sokongan yang berterusan kepada PASDEC, dan juga kepada anggot Lembaga Pengarah yang telah memberi pandangan bernas dan nasihat bijaksana mereka. Dengan khidmat berpasukan ini, dan dengan sokongan anda yang berterusan terhadap segala usaha kami, saya yakin PASDEC akan mencecah tahap pencapaian yang baru.

Terima kasih.

**DATO' SRI HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB**

Pengerusi

3 Jun 2003

## Corporate **EVENTS** and **HUMAN RESOURCES** Activities of the Group in 2002

Acara Korporat Dan Kegiatan Sumber Manusia Kumpulan pada tahun 2002

### JANUARY

Brainstorming Session on the Preparation of the Group's Corporate Plan attended by Board of Directors and management.

Participation in 'Homemakers' exhibition at Berjaya Megamall, Kuantan.

Risk Management Workshop for senior management conducted by Ernst and Young.



### JANUARI

Sesi 'Brainstorming' bagi Persediaan Rancangan Korporat Kumpulan dihadiri Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Penyertaan dalam pameran 'Homemakers' di Berjaya Megamall, Kuantan.

Bengkel Pengurusan Risiko bagi pengurusan kanan dikendalikan oleh Ernst and Young.



### FEBRUARY

Program with BOMBA organised by Bomba Negeri Pahang held at Grand Continental Hotel, Kuantan.

Surveillance audit by SIRIM.

### FEBRUARI

Program bersama BOMBA anjuran Bomba Negeri Pahang di Grand Continental Hotel, Kuantan.

Audit pengawasan oleh SIRIM.



### MARCH

Pasdec Corporation Sdn. Bhd., a wholly owned subsidiary of Pasdec Holdings Berhad entered into a Sale And Purchase Agreement for disposal of the entire equity interest in Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. to Road Builder (M) Holdings Bhd.

Pasdec Corporation Sdn. Bhd. entered into a Share Sale Agreement for disposal of the entire equity held at Bukit Tinggi Resort Berhad to Nostalgia Kiara Sdn. Bhd. and Pasti Eksklusif Sdn. Bhd.

### MAC

Pasdec Corporation Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Pasdec Holdings Berhad, menandatangani Perjanjian Jual Beli bagi pelupusan seluruh kepentingan ekuiti dalam Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. kepada Road Builder (M) Holdings Bhd.

Pasdec Corporation Sdn. Bhd. menandatangani Perjanjian Jualan Saham bagi pelupusan seluruh ekuiti yang dipegang dalam Bukit Tinggi Resort Berhad kepada Nostalgia Kiara Sdn. Bhd. dan Pasti Eksklusif Sdn. Bhd.



Pasdec Corporation Sdn. Bhd. entered into a Sale And Purchase Agreement for acquisition of 90.50 acres of land in Bukit Tinggi, Bentong from Bukit Tinggi Resort Berhad.

Pasdec Corporation Sdn. Bhd. menandatangani Perjanjian Jual Beli bagi pembelian 90.50 ekar tanah di Bukit Tinggi, Bentong daripada Bukit Tinggi Resort Berhad.

Induction course on Occupational Safety and Hazard by CIDB held at NPC, 18th Floor, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Kursus induksi mengenai Keselamatan dan Bahaya Pekerjaan oleh CIDB di NPC, Tingkat 18th, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Pasdec Holdings Berhad, Pasdec Corporation Sdn. Bhd. (Purchaser), Pembinaan Sri Jati Sdn. Bhd. (Vendor), Associated Land Sdn. Bhd. entered into a Sale And Purchase Agreement for acquisition of 70% equity interest in Treacher Development Sdn. Bhd.

Pasdec Holdings Berhad, Pasdec Corporation Sdn. Bhd. (Pembeli), Pembinaan Sri Jati Sdn. Bhd. (Vendor), dan Associated Land Sdn. Bhd. menandatangani Perjanjian Jual Beli bagi pemerolehan kepentingan ekuiti 70% dalam Treacher Development Sdn. Bhd.

## APRIL

Course on Review for Documentation of ISO9001:2000 at Bilik Seminar Kuantan Tembeling Resort attended by Process Owners.

## APRIL

Kursus mengenai Kajian Semula Dokumentasi ISO9001:2000 di Bilik Seminar Kuantan, Tembeling Resort, dihadiri Pemilik-pemilik Proses.



## MAY

Launching of 35 units single storey houses (Bayan) at Bandar Gebeng, Kuantan.

## MEI

Pelancaran 35 unit rumah setingkat (Bayan) di Bandar Gebeng, Kuantan.

Marketing exhibition at Kompleks Teruntum.

Pameran Pemasaran di Kompleks Teruntum.

Handover of keys to purchasers of 54 units terrace houses at Mahkota Idaman Phase 1B(1), Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Penyerahan kunci kepada para pembeli 54 unit rumah teres di Mahkota Idaman Fasa 1B(1), Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Handover of keys to purchasers of 12 units double storey terrace houses Phase 1A at Perumahan Mahkota Idaman, Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Penyerahan kunci kepada para pembeli 12 unit rumah teres dua tingkat Fasa 1A di Perumahan Mahkota Idaman, Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Launching of 61 units single storey terrace houses at Taman Inderapura Phase C, Jerantut.

Pelancaran 61 unit rumah teres setingkat di Taman Inderapura Fasa C, Jerantut.

Handover of keys to purchasers of 48 units single storey Terrace House of Taman Inderapura Phase 5A Jerantut.

Penyerahan kunci kepada para pembeli 48 unit rumah teres setingkat di Taman Inderapura Fasa 5A, Jerantut.

Marketing Exhibition in Kuantan Parade, Kuantan.

Pameran Pemasaran di Kuantan Parade, Kuantan.



## JUNE

Marketing Exhibition in Kompleks Teruntum, Kuantan.

Course on Quality Management Representative on Internal Auditing System at Vistana Hotel Kuantan attended by ISO Process Owners.

Participation in MAPEX Exhibition 2002, Kuantan.

Marketing Promotion in Kuantan Parade, Kuantan.

6th Annual General Meeting of Pasdec Holdings Berhad at Hyatt Regency, Kuantan.

## JULY

Marketing exhibition in Kompleks Teruntum, Kuantan.

## JUN

Pameran Pemasaran di Kompleks Teruntum, Kuantan.

Kursus Wakil Pengurusan Kualiti mengenai Sistem Audit Dalam di Vistana Hotel Kuantan dihadiri Pemilik Proses ISO.

Penyertaan dalam Pameran MAPEX 2002, Kuantan.

Promosi Pemasaran di Kuantan Parade, Kuantan.

Mesyuarat Agung Tahunan ke-6 Pasdec Holdings Berhad di Hyatt Regency, Kuantan.

## JULAI

Pameran Pemasaran di Kompleks Teruntum, Kuantan.



## AUGUST

Marketing exhibition at Petronas BASF, Gebeng, Kuantan.

Bowling Tournament for staff at Mega Bowl, Kuantan.

Seminar on Housing Strata Title at Shahzan Inn, Kuantan attended by selected personnel.

## OGOS

Pameran Pemasaran di Petronas BASF, Gebeng, Kuantan.

Pertandingan Boling antara kakitangan di Mega Bowl, Kuantan.

Seminar mengenai Hak Milik Strata Perumahan di Shahzan Inn, Kuantan dihadiri kakitangan terpilih.

## SEPTEMBER

Extraordinary General Meeting of Pasdec Holdings Berhad at the Club House of Kuantan Tembeling Resort, Kuantan.

Marketing exhibition at TLDM and MTBE, Kuantan.

Completion of disposal of the entire equity interest in Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. to Road Builder (M) Holdings Bhd.

Handover of keys to purchasers of single storey terrace houses at Perumahan Mahkota Idaman, Phase 1B, Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Course on MS Project 2000 at Cosmopoint, Kuantan attended by selected officers.

Handover of keys to purchasers of Pusat Perniagaan Ketari, Bentong.

## SEPTEMBER

Mesyuarat Agung Luar Biasa Pasdec Holdings Berhad di Rumah Kelab Kuantan Tembeling Resort, Kuantan.

Pameran Pemasaran di TLDM dan MTBE, Kuantan.

Penyempurnaan pelupusan seluruh kepentingan ekuiti dalam Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. kepada Road Builder (M) Holdings Bhd.

Penyerahan kunci kepada para pembeli rumah teres setingkat di Perumahan Mahkota Idaman, Fasa 1B, Bandar Indera Mahkota, Kuantan.

Kursus mengenai Projek MS 2000 di Cosmopoint, Kuantan dihadiri pegawai terpilih.

Penyerahan kunci kepada para pembeli Pusat Perniagaan Ketari, Bentong.



## OCTOBER

Reorganization of the company's structure of Pasdec Corporation Sdn. Bhd.

Briefing to staff on Performance Appraisal and Quality Rev. 2K System.

National conference on Key Performance Indicators (KPI) attended by selected officers.

## OKTOBER

Penyusunan semula struktur syarikat Pasdec Corporation Sdn. Bhd.

Taklimat kepada kakitangan mengenai Penilaian Prestasi dan Sistem 2K Semakan Kualiti.

Persidangan kebangsaan mengenai 'Key Performance Indicator' (KPI) dihadiri pegawai terpilih.

## NOVEMBER

Marketing exhibition in Kuantan Parade, Kuantan.

## NOVEMBER

Pameran Pemasaran di Kuantan Parade, Kuantan.

## DECEMBER

Participation in MAPEX 2002, Kuantan.

## DISEMBER

Penyertaan dalam MAPEX 2002, Kuantan.

*A synergy of*

***achievement***

*Paduan tenaga pencapaian*



We harness our **STRENGTHS** and resources  
to enhance efficiency at all levels  
to **MAXIMISE** our productivity.



Kami menggembeleng kekuatan dan sumber kami untuk meningkatkan kecekapan di semua peringkat demi memaksimumkan produktiviti.

# Financial statements

Directors' Report	65	Balance Sheets	71
Statement by Directors	68	Consolidated Statement of Changes in Equity	72
Statutory Declaration	68	Company Statement of Changes in Equity	73
Report of the Auditors	69	Cash Flow Statements	74
Income Statements	70	Notes to the Financial Statement	76

## Directors' report

The directors hereby submit their report together with the audited financial statements of the Group and of the Company for the financial year ended 31 December 2002.

### PRINCIPAL ACTIVITIES

The principal activities of the Company are investment holding and provision of management services.

Tanah dan perbelanjaan tanah dan pembangunan di mana kerja pembangunan penting telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam masa kitaran kendalian biasa dikelaskan sebagai hartanah pembangunan. Hartanah pembangunan dinyatakan pada kos dicampur keuntungan ditolak kerugian dan bil-bil berperingkat. Kos termasuk kos tanah, semua kos pembangunan langsung, dan perbelanjaan pembangunan berkenaan yang lain, termasuk belanja faedah yang ditanggung sepanjang tempoh pembangunan.

Tanah untuk pembangunan terdiri daripada tanah untuk pembangunan akan datang dan di mana tidak ada pembangunan penting dilaksanakan dan dinyatakan pada kos. Kos termasuk kos tanah dan perbelanjaan pembangunan yang berkaitan. Aset-aset ini dipindahkan ke hartanah pembangunan apabila kerja pembangunan penting telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam masa kitaran kendalian biasa.

#### (g) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realis bersih. Kos barang siap dan kerja dalam proses termasuk bahan langsung, buruh langsung, lain-lain kos langsung dan overhead pengeluaran yang sewajarnya. Nilai boleh realis bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung.

Hartanah untuk penjualan semula dinyatakan pada harga terendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos ditentukan pada asas pengenalan khusus termasuk kos tanah, pembinaan dan overhead pembangunan yang sewajarnya.

#### (h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai di tangan dan di bank dan deposit tetap, ditolak overdraf bank tidak berbayar.

#### (i) Pajakan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika kesemua risiko dan manfaat berkenaan dengan hakmilik dipindahkan dengan tentunya kepada Kumpulan.

Aset yang diperolehi melalui sewabeli atau pajakan kewangan adalah dinyatakan pada jumlah bersamaan dengan nilai saksama atau nilai kini bayaran minima pajakan pada permulaan pajakan, yang mana lebih rendah, setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Liabiliti yang berkaitan adalah dinyatakan dalam lembaranimbangan sebagai pinjaman. Dalam pengiraan nilai kini bayaran minima pajakan, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang terkandung dalam pajakan, jikalau ia boleh ditentukan dengan praktikal; atau sebaliknya, kadar pinjaman bertambah Syarikat akan digunakan.

Bayaran pajakan diagihkan di antara kos kewangan dan kurangan liabiliti tertunggak. Kos kewangan, yang merupakan perbezaan di antara jumlah komitmen pajakan dan nilai saksama perolehan aset, dikenakan ke penyata pendapatan di sepanjang jangka masa pajakan tersebut untuk membolehkan penghasilan satu kadar faedah tempoh yang berkala ke atas baki obligasi bagi setiap tempoh perakaunan.

Polisi susutnilai bagi aset pajakan adalah sejajar dengan susutnilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan di Nota 2(e).

#### (j) Cukai Tertunda

Belanja cukai tahun semasa adalah berdasarkan kepada keuntungan tahun semasa, diselaraskan untuk tujuan pencukaian, beserta kenaaan atau kredit untuk cukai tertunda.

Cukai tertunda diperuntukkan menurut kaedah liabiliti untuk semua perbezaan masa yang penting kecuali di mana terdapat bukti yang munasabah bahawa perbezaan masa ini tidak akan berbalik pada masa hadapan. Manfaat cukai tertunda hanya diiktiraf apabila kemungkinan manfaat boleh dicapai pada masa hadapan yang boleh diramalkan.

## 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

### (k) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila sudah nyata bahawa manfaat ekonomi yang berhubung dengan urusan niaga akan menyalur ke Kumpulan dan Syarikat, dan jumlah pendapatan boleh dikira dengan tepat.

- (i) Hartanah pembangunan  
Pendapatan daripada jualan hartanah pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan yang berdasarkan nisbah kos pembangunan yang terlibat sehingga sekarang kepada jumlah kos yang dianggarkan di mana hasil projek-projek tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.
- (ii) Hartanah siap  
Pendapatan daripada jualan hartanah siap adalah diiktiraf bersih diskaun apabila risiko dan manfaat dipindahkan dengan sempurna.
- (iii) Jualan barang-barang  
Pendapatan berkaitan dengan jualan barang-barang diiktiraf bersih cukai jualan dan diskaun, apabila risiko dan manfaat dipindahkan dengan sempurna.
- (iv) Pendapatan dividen  
Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.
- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan  
Pendapatan daripada perkhidmatan yang diberikan diiktiraf apabila perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan.

### (l) Rosotnilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbalan, Kumpulan mengkaji nilai dibawa aset-asetnya, selain daripada inventori, aset cukai tertunda dan aset kewangan, untuk menentukan sama ada terdapat petanda yang aset tersebut mungkin mengalami rosotnilai. Jika petanda tersebut wujud, rosotnilai diukur secara membanding nilai aset dibawa dengan amaun yang boleh diterima. Jumlah yang boleh diterima adalah nilai yang lebih tinggi di antara harga jualan dan nilai boleh guna, yang diukur dengan merujuk kepada pendiskauan aliran tunai masa hadapan. Jumlah yang boleh diterima dianggarkan bagi aset secara individu atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan-tunai di mana aset itu dimiliki.

Balikan rosotnilai diiktiraf pada tahun-tahun lepas direkodkan apabila terdapat petanda bahawa rosotnilai yang diiktiraf itu tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Balikan itu diiktiraf sehingga tahap amaun dibawa bagi aset tersebut yang dikenalpasti (tolak pelunasan dan susutnilai) jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Balikan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan serta-merta.

### (m) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbalan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen.

Instrumen kewangan adalah diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut peruntukan dalam perjanjian kontrak. Faedah, dividen, laba dan kerugian berkenaan dengan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti dikenakan terus ke ekuiti. Instrumen kewangan dikontrak apabila Kumpulan mempunyai hak mengikut undang-undang untuk kontra dan berniat untuk menyelesaikannya secara bersih atau dengan merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

- (i) Sekuriti Boleh Pasar  
Sekuriti boleh pasar dibawa pada harga terendah di antara kos dan nilai pasaran, yang ditentukan atas asas agregat. Kos ditentukan atas asas purata wajaran manakala nilai pasaran ditentukan berdasarkan nilai pasaran dicatat. Tambahan atau kurangan dalam jumlah dibawa bagi sekuriti boleh pasar dikreditkan atau dikenakan kepada penyata pendapatan. Apabila sekuriti boleh pasar dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah dibawa akan dikenakan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.
- (ii) Penghutang Perdagangan dan Lain-lain Penghutang  
Penghutang dan lain-lain penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu setelah semakan ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbalan.

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 2. POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (samb.)

#### (m) Instrumen Kewangan (samb.)

##### (iii) Pemiutang Perdagangan dan Lain-lain Pemiutang

Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang dinyatakan pada kos, iaitu pada nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

##### (iv) Pinjaman Berfaedah

Pinjaman dan overdraf bank berfaedah direkodkan pada jumlah hasil diterima, bersih daripada kos urusniaga.

Kos pinjaman diagihkan secara terus kepada perolehan dan pembangunan pembinaan, serta hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset sehingga aset tersebut sedia untuk digunakan atau dijual. Semua kos pinjaman lain dicaj ke penyata pendapatan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia berlaku.

### 3. PENDAPATAN

Pendapatan bagi Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Jualan hartanah dan tanah	67,941,866	55,414,019	—	—
Jualan barangan	19,085,869	12,348,892	—	—
Yuran pengurusan projek	275,219	251,330	—	—
Yuran pengurusan	58,867	43,920	573,867	548,160
Pendapatan sewa	452,250	379,283	—	—
Komisen jualan	2,123	71,714	—	—
Pendapatan dividen	—	—	2,886,006	14,033,366
	87,816,194	68,509,158	3,459,873	14,581,526

### 4. KOS JUALAN

Kos jualan mewakili kos inventori barang dijual dan kos penyediaan perkhidmatan diiktiraf sebagai belanja dan kos hartanah pembangunan dijual.

## 5. KEUNTUNGAN DARI KENDALIAN

Keuntungan dari kendalian dinyatakan selepas dikenakan/(dikreditkan):

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Kos pekerja	8,667,815	7,282,651	798,238	476,650
Ganjaran juruaudit	114,000	114,000	7,000	7,000
Peruntukan hutang ragu	2,393,130	849,366	222,651	—
Hutang lapuk hapuskira	18,600	—	—	—
Sewa loji dan mesin	92,588	43,840	—	—
Sewa pejabat	447,644	540,450	—	—
Yuran pengurusan	725,219	251,330	515,000	480,000
Caj perkhidmatan, penyelenggaraan, dan yuran agensi dikenakan oleh sebuah syarikat berkaitan	175,960	275,753	—	—
Rosotnilai inventori	55,778	—	—	—
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	—	1,927	—	—
Peruntukan rosotnilai hartanah, loji dan peralatan	936,492	—	—	—
Perlunasan muhibah	52,772	52,772	—	—
Susutnilai (Nota 11)	1,503,752	1,472,239	9,500	9,499
Peruntukan rosotnilai dalam pelaburan	9,443	—	—	—
Pendapatan sewa	(273,271)	(531,846)	—	—
Yuran pengurusan	(450,000)	—	—	—
Peruntukan hutang ragu tidak diperlukan lagi	(28,050)	(53,048)	—	—
Pendapatan dividen daripada saham tersiar harga	(133,177)	(45,188)	—	—
Keuntungan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	(46,529)	(179,170)	—	—
Keuntungan daripada jualan pelaburan	(6,651,362)	—	—	—
Keuntungan daripada jualan tanah pegang untuk pembangunan	(123,943)	—	—	—
Keuntungan atas pelepasan bagi terbitan hak	—	(4,000,000)	—	—

Kos pekerja Kumpulan dan Syarikat termasuk ganjaran pengarah eksekutif yang berjumlah RM691,325 (2001: RM513,801) dan RM296,225 (2001: RM34,251) masing-masing seperti dinyatakan dalam Nota 6.

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 6. GANJARAN PENGARAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
<b>Pengaruh Syarikat</b>				
Eksekutif:				
Gaji dan lain-lain emolumen	230,981	149,751	230,981	17,751
Yuran	24,000	21,000	24,000	12,000
Bonus	17,694	—	17,694	—
Elaun mesyuarat	23,550	7,750	23,550	4,500
	296,225	178,501	296,225	34,251
Bukan Eksekutif:				
Yuran	219,520	144,000	194,000	108,000
Bonus	—	140,000	—	140,000
Elaun mesyuarat	173,250	43,250	173,250	43,250
	392,770	327,250	367,250	291,250
<b>Lain-lain Pengarah</b>				
Eksekutif:				
Gaji dan lain-lain emolumen	373,200	313,200	—	—
Bonus	21,100	22,100	—	—
Elaun mesyuarat	800	—	—	—
	395,100	335,300	—	—
Bukan Eksekutif:				
Gaji dan lain-lain emolumen	—	48,000	—	—
Elaun mesyuarat	17,200	10,000	—	5,200
	17,200	58,000	—	5,200
<b>Jumlah</b>	<b>1,101,295</b>	<b>899,051</b>	<b>663,475</b>	<b>330,701</b>

Bilangan pengarah syarikat di mana jumlah ganjaran untuk tahun semasa berada dalam lingkungan yang dinyatakan di bawah adalah seperti berikut:

	Bilangan Pengarah	
	2002	2001
Pengaruh eksekutif:		
RM50,000 – RM100,000	—	1
RM100,001 – RM250,000	—	1
RM250,001 – RM350,000	1	1
Pengaruh bukan eksekutif:		
Bawah RM50,000	10	14
RM50,001 – RM100,000	2	1

## 7. KOS KEWANGAN, BERSIH

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Faedah sewabeli	223,645	256,175	5,244	7,307
Faedah pinjaman berjangka	1,775,181	2,518,903	—	—
Faedah overdraf	2,919,229	3,167,678	787,839	821,343
Faedah kredit pusingan	666,755	642,703	505,703	505,703
Yuran komitmen	31,578	—	—	—
Yuran waranti	46,589	—	—	—
Pelbagai pendapatan faedah	1,726,889	—	—	—
Pendapatan faedah bayaran lewat	(1,622,328)	—	—	—
Pendapatan faedah deposit tetap	(209,226)	(119,470)	—	—
	5,558,312	6,465,989	1,298,786	1,334,353

## 8. CUKAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Belanja cukai tahun semasa	540,000	999,912	—	3,929,342
Pindahan (dari)/kepada cukai tertunda (Nota 26)	(29,000)	55,600	—	—
	511,000	1,055,512	—	3,929,342
Kurangan/(lebih)an peruntukan cukai pada tahun lepas	5,176	(18,860)	—	—
	516,176	1,036,652	—	3,929,342
Bahagian cukai dalam syarikat-syarikat bersekutu	436,701	1,720,549	—	—
	952,877	2,757,201	—	3,929,342

Kadar cukai berkesan Kumpulan adalah lebih rendah daripada kadar cukai berkanun disebabkan oleh keuntungan modal dan penggunaan elaun modal dibawa ke hadapan oleh syarikat-syarikat bersekutu tertentu.

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 9. PENDAPATAN ASAS SESAHAM

Pendapatan asas sesaham dikira dengan membahagikan keuntungan bersih tahun semasa dengan bilangan purata wajaran saham biasa yang diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

	Kumpulan	
	2002	2001
Keuntungan bersih bagi tahun (RM)	8,239,406	11,183,721
Bilangan purata wajaran saham biasa yang diterbitkan	180,000,000	180,000,000
Pendapatan asas sesaham (sen)	4.58	6.21

Tidak ada pendapatan cair sesaham bagi tahun semasa ditunjukkan kerana tiada potensi kecairan ke atas saham biasa yang tertunggak pada 31 Disember 2002.

### 10. DIVIDEN

	Jumlah		Dividen bersih sesaham	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Dividen interim dicadang 5% ditolak cukai 28%	—	6,480,000	—	3.6

Jumlah dividen interim seperti yang dinyatakan dalam laporan para pengarah adalah merupakan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 sebanyak 5% ditolak 28% cukai, jumlah dividen sebanyak RM6,480,000, telah dibayar pada 27 September 2002.

### 11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah pajakan jangkapanjang dan jangkapendek	Bangunan	Loji dan mesin	Lain-lain aset*	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kumpulan</b>					
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari 2002	2,253,704	4,292,064	8,163,521	8,018,518	22,727,807
Tambahan	—	630,137	64,108	1,132,173	1,826,418
Pelupusan	—	(407,752)	—	(489,140)	(896,892)
Pindahan	—	1,131,576	—	(1,131,576)	—
Pada 31 Disember 2002	2,253,704	5,646,025	8,227,629	7,529,975	23,657,333

## 11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

	Tanah pajakan jangka panjang dan jangkapendek	Bangunan	Loji dan mesin	Lain-lain aset*	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Susunilai Terkumpul</b>					
Pada 1 Januari 2002	1,412,890	845,618	4,669,255	4,199,061	11,126,824
Dikenakan bagi tahun	98,526	108,777	808,553	487,896	1,503,752
Pelupusan	—	(3,716)	—	(436,442)	(440,158)
Rosotnilai	—	—	—	936,492	936,492
Pada 31 Disember 2002	1,511,416	950,679	5,477,808	5,187,007	13,126,910
<b>Nilai Buku Bersih</b>					
Pada 31 Disember 2002	742,288	4,695,346	2,749,821	2,342,968	10,530,423
Pada 31 Disember 2001	840,814	3,446,446	3,494,266	3,819,457	11,600,983
<b>Susutnilai dikenakan bagi tahun 2001:</b>					
Dikenakan pada penyata pendapatan (Nota 5)	98,589	82,809	807,046	483,795	1,472,239

\* Aset lain meliputi pengubahsuaian pejabat, perabut dan kelengkapan, peralatan pejabat, kenderaan bermotor, papan tanda dan pembinaan dalam proses.

	Kenderaan Bermotor
	RM
<b>Syarikat Kos</b>	
Pada 1 Januari 2002	94,995
Tambahan	—
Pada 31 Disember 2002	94,995
<b>Susutnilai Terkumpul</b>	
Pada 1 Januari 2002	18,998
Dikenakan pada tahun	9,500
Pada 31 Disember 2002	28,498
<b>Nilai Buku Bersih</b>	
Pada 31 Disember 2002	66,497
Pada 31 Disember 2001	75,997
<b>Susutnilai dikenakan bagi tahun 2001:</b>	
Dikenakan pada penyata pendapatan (Nota 5)	9,499

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

(a) Nilai buku bersih hartanah, loji dan peralatan dimiliki bawah sewabeli adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Kenderaan bermotor	616,995	774,848
Loji dan mesin	1,115,255	1,391,004
	1,732,250	2,165,852

- (b) Sebahagian daripada tanah dan bangunan pegangpajak oleh subsidiari-subsidiari dengan nilai yang dibawa sebanyak RM926,193 (2001: RM840,814) telah dicagarkan kepada bank-bank berlesen bagi mendapatkan kemudahan pinjaman untuk subsidiari-subsidiari.
- (c) Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan Kumpulan adalah aset yang telah disusutnilai sepenuhnya tetapi masih digunakan pada kos RM1,656,282 (2001: RM1,874,329).

### 12. TANAH UNTUK PEMBANGUNAN DAN HARTANAH PEMBANGUNAN

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Kos:		
Tanah milikbebas	19,157,611	20,484,141
Tanah pegangpajak	23,739,078	105,013,445
Perbelanjaan pembangunan	155,001,210	116,339,855
	197,897,899	241,837,441
Tolak: Bahagian bukan semasa, dikelaskan sebagai hartanah pembangunan	(83,518,339)	(85,925,831)
	114,379,560	155,911,610
Tambah: Keuntungan boleh agih	19,164,243	34,219,663
	133,543,803	190,131,273
Tolak: Bil berperingkat	(94,337,524)	(125,363,997)
Tolak: Kerugian dijangka	(45,408)	—
	39,160,871	64,767,276

Tanah milikbebas bagi satu subsidiari sebanyak RM15,779,519 (2001: RM19,682,364) telah dicagarkan sebagai sekuriti untuk pinjaman jangka pendeknya.

Tanah pegangpajak bagi satu subsidiari sebanyak RM10,336,070 (2001: RM15,846,268) adalah berdaftar di bawah nama perbadanan induk.

Tanah pegangpajak bagi satu subsidiari sebanyak RM17,533,441 (2001: RM45,154,296) masih belum ditukar nama kepada nama syarikat subsidiari tersebut.

## 13. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2002 RM	2001 RM
Saham tidak tersiar harga, pada kos	71,494,753	38,014,756

Keterangan bagi subsidiari-subsidiari adalah:

Nama Syarikat	Negara Diperbadankan	Kepentingan Berkesan (%)		Kegiatan Utama
		2002	2001	
Pasdec Corporation Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Pembangunan hartanah, pengurusan projek dan peruntukan perkhidmatan pengurusan
Kuantan Tembeling Resort Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Pembangunan pengurusan tempat peranginan dan kondominium
Pasdec Land Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Pembangunan hartanah
Sri Buana (Sdn.) Berhad	Malaysia	100	100	Perniagaan bahan-bahan binaan
Kimdec Corporation Sdn. Bhd.	Malaysia	51	51	Pembangunan hartanah
** Kuantan Bricks Sdn. Bhd.	Malaysia	51	51	Pembuatan batu-bata
** Rock Plus Sdn. Bhd.	Malaysia	51	51	Kuari
Sumbangan Sakti Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Pembangunan hartanah
Pasdec Mega Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	Pembangunan hartanah
* Lancar Pintas Sdn. Bhd.	Malaysia	70	—	Pembangunan hartanah
Pasdec Project Management Sdn. Bhd.	Malaysia	60	60	Tidak aktif

\* Diaudit oleh firma juruaudit selain daripada Hanafiah, Raslan & Mohamad.

\*\* Subsidiari-subsidiari Sri Buana (Sdn.) Berhad. Tidak mempunyai penyata kewangan yang telah diaudit. Subsidiari-subsidiari ini disatukan berdasarkan penyata kewangan pengurusan dan kesan terhadap penyata kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 13. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (samb.)

	<b>2002 RM</b>
Aset semasa	5,523,972
Aset bukan semasa	5,162,685
Liabiliti semasa	(12,462,400)
Liabiliti bukan semasa	(683,480)
Liabiliti bersih	(2,459,223)
Pendapatan	7,106,869
Kerugian bagi tahun semasa	(745,072)
Aliran tunai daripada kegiatan operasi	2,462,951
Aliran tunai daripada kegiatan pelaburan	(139,052)
Aliran tunai daripada kegiatan pembiayaan	(2,382,297)
Aliran tunai bersih	(58,398)

Pengambilalihan subsidiari:

Pada 18 Februari 2002, Syarikat telah memperolehi 70% kepentingan ekuiti dalam Lancar Pintas Sdn. Bhd. dengan balasan tunai belian sebanyak RM13,300,000.

Kesan pengambilalihan ke atas hasil kewangan Kumpulan pada 31 Disember 2002 adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Tanah untuk pembangunan	20,099,807
Lain-lain penghutang	2,000
Lain-lain pemiutang	(357,160)
Cukai tertunda	(3,568,500)
Kepentingan minoriti	(4,852,844)
Perkongsian aset bersih oleh Kumpulan	11,323,303

### 13. SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (samb.)

Nilai saksama aset yang diambilalih dan liabiliti yang diterima daripada pengambilalihan subsidiari adalah seperti berikut:

	<b>18 Februari 2002 RM</b>
Aset bersih yang diambilalih:	
Tanah untuk pembangunan	20,098,265
Lain-lain penghutang	2,000
Pemiutang dagangan dan lain-lain pemiutang	(355,618)
Cukai tertunda	(3,568,500)
Nilai saksama aset bersih	16,176,147
Tolak: Kepentingan minoriti	(4,852,844)
Bahagian aset bersih oleh Kumpulan	11,323,303
Muhibah atas penyatuan (Nota 16)	1,976,697
Jumlah harga belian	13,300,000
Aliran keluar tunai bersih untuk pengambilalihan:	
Balasan tunai	13,300,000

### 14. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	<b>Kumpulan</b>	
	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
Di Malaysia:		
Kos pelaburan tidak tersiar harga	52,635,589	64,575,589
Perkongsian rezab selepas pengambilalihan	25,198,695	31,899,700
	77,834,284	96,475,289
Diwakili oleh:		
Perkongsian aset bersih	77,834,284	96,305,811
Muhibah atas penyatuan	—	169,478
	77,834,284	96,475,289

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 14. SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU (samb.)

Keterangan syarikat-syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Tempat Diperbadankan	Kepentingan Berkesan (%)		Tahun Kewangan Berakhir	Kegiatan Utama
		2002	2001		
Pahang Cement Sdn. Bhd.	Malaysia	33	33	31 Disember	Pembuatan simen
Treacher Development Sdn. Bhd.	Malaysia	30	30	30 Jun	Pembangunan hartanah
Prima Prai Sdn. Bhd.	Malaysia	20	20	31 Mac	Pembangunan hartanah
Genting View Resort Development Sdn. Bhd.	Malaysia	40	40	31 Disember	Pemaju dan kontraktor
KTR Resort Sdn. Bhd.	Malaysia	30	—	31 Disember	Sewa dan/atau jualan kondominium
Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd.	Malaysia	—	25	30 Jun	Operasi pelabuhan

Bahagian keuntungan Kumpulan bagi perkongsian keuntungan selepas pengambilalihan dalam syarikat-syarikat bersekutu yang mempunyai tahun kewangan yang berakhir pada tarikh yang berbeza adalah diagihkan berdasarkan tempoh prorata bagi penyata kewangan yang telah diaudit dalam suku tahunan pertama dan penyata kewangan pengurusan yang belum diaudit bagi suku tahunan yang lain disebabkan penyata kewangan tersebut masih belum diaudit.

### 15. LAIN-LAIN PELABURAN

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Pada kos:		
Saham tersiar harga di Malaysia	32,919,621	3,019,622
Unit amanah tersiar harga di Malaysia	1,058,507	1,000,603
Saham tidak tersiar harga	66,606,157	66,606,157
	100,584,285	70,626,382
Tolak: Kerugian rosot nilai terkumpul		
Saham tersiar harga di Malaysia	(2,264,156)	(2,254,713)
Unit amanah tersiar harga di Malaysia	(580,610)	(580,610)
	(2,844,766)	(2,835,323)
	97,739,519	67,791,059
Nilai pasaran:		
Saham tersiar harga di Malaysia	29,324,429	728,050
Unit amanah tersiar harga di Malaysia	381,063	389,994
	29,705,492	1,118,044

## 15. LAIN-LAIN PELABURAN (samb.)

Pelaburan dalam saham dan unit amanah tersiar harga di Malaysia diklasifikasi sebagai aset bukan semasa atas sebab niat para pengarah untuk memegang sekuriti pasaran ini untuk pelaburan jangka panjang. Pada 31 Disember 2002, tiada peruntukan rosot nilai untuk pelaburan jangka panjang ini kerana penurunan nilai pasaran adalah sementara.

Sebahagian pelaburan tersiar harga oleh sebuah subsidiari yang berjumlah RM686,639 (2001: RM693,272) telah dicagarkan untuk kemudahan pinjaman kepada institusi kewangan untuk subsidiari.

Pelaburan dalam unit amanah oleh sebuah subsidiari yang berjumlah RM381,063 (2001: RM399,994) telah dicagarkan kepada institusi kewangan untuk kemudahan pinjaman untuk subsidiari.

Pelaburan dalam saham tidak tersiar harga adalah pelaburan dalam Bukit Tinggi Resort Berhad ("BTR"). Seperti yang dinyatakan dalam Nota 30(d), pelaburan tersebut sedang dalam proses pelupusan oleh sebuah subsidiari yang dimiliki penuh, Pasdec Corporation Sdn. Bhd.

## 16. MUHIBAH ATAS PENYATUAN

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Pada 1 Januari	1,317,285	1,317,285
Daripada pengambilalihan subsidiari (Nota 13)	1,976,697	—
Tolak : Pelunasan terkumpul	(679,191)	(626,419)
Pada 31 Disember	2,614,791	690,866

## 17. INVENTORI

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Pada kos:		
Rumah kedai dan perumahan	2,779,665	6,194,996
Tanah	2,397,194	3,320,335
Barang siap	1,786,822	2,513,272
Diesel dan minyak pelincir	59,238	67,496
	7,022,919	12,096,099
Pada nilai boleh realis bersih:		
Kondominium	1,136,760	8,055,332
	8,159,679	20,151,431
Tolak: Kerugian rosot nilai terkumpul	(55,778)	—
	8,103,901	20,151,431

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 18. PENGHUTANG PERDAGANGAN

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Penghutang perdagangan	56,486,661	64,946,862
Bil berperingkat belum terima	23,168,396	9,546,397
	79,655,057	74,493,259
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(2,198,950)	(1,619,416)
	77,456,107	72,873,843

Syarat kredit perdagangan biasa Kumpulan adalah antara 30 hingga 120 hari. Syarat kredit lain akan dikaji dan diluluskan berdasarkan kepada kes tertentu.

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang besar yang mungkin timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

### 19. LAIN-LAIN PENGHUTANG

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Terhutang oleh subsidiari-subsidiari	—	—	209,898,390	223,554,840
Terhutang oleh perbadanan induk terakhir	31,878,379	32,226,109	28,599,439	30,600,194
Terhutang oleh syarikat-syarikat berkaitan lain	10,168,072	6,156,940	160,689	135,889
Deposit	320,730	172,731	—	—
Prabayar	241,848	495,432	—	—
Sebahagian bayaran untuk pembelian pelaburan	109,078	9,779,492	109,078	9,779,492
Lain-lain penghutang	4,971,456	1,232,297	—	—
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(2,559,412)	(773,866)	(222,651)	—
	45,130,151	49,289,135	238,544,945	264,070,415

Hutang oleh syarikat-syarikat berkaitan lain adalah jumlah terhutang oleh syarikat-syarikat di dalam kumpulan perbadanan induk terakhir, Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

Hutang daripada syarikat-syarikat berkaitan merangkumi baki daripada balasan belian untuk jualan kondominium yang berjumlah RM4,115,064 (2001: Tiada).

Jumlah hutang oleh subsidiari, perbadanan induk terakhir dan syarikat berkaitan lain adalah berkaitan dengan pendahuluan dan bayaran bagi pihak. Jumlah terhutang adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang besar yang kemungkinan timbul daripada pendedahan kepada seorang penghutang atau kepada sekumpulan penghutang.

## 20. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Tunai di tangan dan baki di bank	3,897,304	2,313,341	14,874	32,892
Deposit di bank-bank berlesen	5,689,318	4,155,457	—	—
Tunai dan baki di bank	9,586,622	6,468,798	14,874	32,892
Tolak: Overdraf bank (Nota 21)	(38,909,067)	(39,788,543)	(9,993,876)	(10,073,333)
Tunai dan kesetaraan tunai	(29,322,445)	(33,319,745)	(9,979,002)	(10,040,441)

Deposit dalam bank-bank berlesen oleh Kumpulan sebanyak RM957,569 (2001: RM1,158,233) telah dicagarkan kepada bank bagi kemudahan tertentu yang diberikan kepada subsidiari-subsidiari.

## 21. PINJAMAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
<b>Pinjaman Jangkapendek</b>				
Bercagar:				
Overdraf bank	17,468,588	18,557,454	9,993,876	10,073,333
Kredit pusingan	27,500,000	26,000,000	10,000,000	10,000,000
Pinjaman jangkapendek	786,149	1,690,207	—	—
Pinjaman berjangka	708,556	1,784,345	—	—
Pemiutang sewabeli (Nota 22)	529,709	601,115	16,134	15,200
	46,993,002	48,633,121	20,010,010	20,088,533
Tidak bercagar:				
Overdraf bank	21,440,479	21,231,089	—	—
Kredit pusingan	2,000,000	2,000,000	—	—
	23,440,479	23,231,089	—	—
	70,433,481	71,864,210	20,010,010	20,088,533
<b>Pinjaman Jangka panjang</b>				
Bercagar:				
Pinjaman berjangka	6,531,507	16,473,506	—	—
Pemiutang sewabeli (Nota 22)	344,948	807,834	20,444	36,582
	6,876,455	17,281,340	20,444	36,582

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 21. PINJAMAN (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
<b>Jumlah Pinjaman</b>				
Overdraf bank (Nota 20)	38,909,067	39,788,543	9,993,876	10,073,333
Kredit pusingan	29,500,000	28,000,000	10,000,000	10,000,000
Pinjaman jangka pendek	786,149	1,690,207	—	—
Pinjaman berjangka	7,240,063	18,257,851	—	—
Pemiutang sewabeli (Nota 22)	874,657	1,408,949	36,578	51,782
	<b>77,309,936</b>	<b>89,145,550</b>	<b>20,030,454</b>	<b>20,125,115</b>
Kematangan pinjaman (tidak termasuk sewabeli):				
Dalam tempoh 1 tahun	69,983,249	71,263,095	19,993,876	20,073,333
Antara 1 tahun hingga 2 tahun	4,049,417	4,668,511	—	—
Antara 2 tahun hingga 5 tahun	2,402,613	8,835,128	—	—
Selepas 5 tahun	—	2,969,867	—	—
	<b>76,435,279</b>	<b>87,736,601</b>	<b>19,993,876</b>	<b>20,073,333</b>

Purata wajaran kadar faedah berkesan sepanjang tahun kewangan bagi pinjaman, tidak termasuk sewabeli, adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Overdraf bank	8.42	8.60	7.90	8.60
Kredit pusingan	6.12	4.85	5.15	4.85
Pinjaman berjangka	8.77	8.60	—	—

Overdraf bank Kumpulan adalah dicagarkan dengan tanah didaftarkan di bawah nama perbadanan induk, surat kesedaran (letter of awareness) dari perbadanan induk, cagaran pertama ke atas tanah pegangpajak jangka panjang dan bangunan sebuah subsidiari, cagaran tetap dan terapung ke atas sesetengah aset subsidiari-subsidiari, jaminan perseorangan daripada seorang pengarah subsidiari berkenaan, jaminan bersama dan berasingan oleh pengarah-pengarah pemegang saham korporat sebuah subsidiari dan jaminan korporat oleh sebuah subsidiari dan Syarikat.

Overdraf bank Syarikat adalah dicagarkan dengan surat kesedaran daripada perbadanan induk.

Kredit pusingan bercagar bagi Kumpulan adalah untuk tempoh enam bulan dan adalah dicagarkan kepada caj tetap atas sebahagian tanah milik bebas satu subsidiari, nisbah jaminan korporat oleh Syarikat sehingga 51% dan jaminan bersama dan berasingan oleh pengarah-pengarah pemegang saham korporat.

Pinjaman jangka pendek Kumpulan adalah dicagarkan dengan sebahagian daripada pelaburan tersenarai.

Kredit pusingan bercagar oleh Syarikat adalah dicagarkan dengan surat kesedaran daripada perbadanan induk.

## 21. PINJAMAN (samb.)

Cagaran pinjaman berjangka adalah seperti berikut:

- Cagaran pertama ke atas tanah pegangpajak subsidiari tertentu seperti dalam Nota 11;
- Cagaran tetap dan terapung ke atas sebahagian daripada aset-aset subsidiari;
- Pelaburan dalam unit amanah bagi sebuah subsidiari, pelaburan tidak tersiar harga dalam syarikat bersekutu dan pelaburan lain seperti dalam Nota 13, Nota 14 dan Nota 15;
- Jaminan perseorangan daripada seorang pengarah subsidiari berkenaan, jaminan bersama dan berasingan oleh pengarah-pengarah pemegang saham korporat subsidiari berkenaan; dan
- Jaminan korporat oleh subsidiari dan syarikat.

Pinjaman jangka pendek Kumpulan adalah dicagarkan ke atas sebahagian daripada pelaburan dalam saham tersiar harga.

## 22. PEMIUTANG SEWABELI

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Bayaran minimum masa depan adalah seperti berikut:				
Dalam tempoh 1 tahun	981,706	650,467	20,431	20,448
Antara 1 tahun hingga 2 tahun	388,157	1,047,631	20,445	40,876
	1,369,863	1,698,098	40,876	61,324
Tolak: Caj kewangan masa hadapan	(495,206)	(289,149)	(4,298)	(9,542)
Nilai kini liabiliti sewabeli	874,657	1,408,949	36,578	51,782
Analisa:				
Terhutang dalam tempoh 12 bulan (Nota 21)	529,709	601,115	16,134	15,200
Terhutang selepas 12 bulan (Nota 21)	344,948	807,834	20,444	36,582
	874,657	1,408,949	36,578	51,782

## 23. PEMIUTANG PERDAGANGAN

Syarat kredit perdagangan biasa Kumpulan adalah antara 30 hingga 90 hari. Syarat kredit lain akan dikaji dan diluluskan berdasarkan kepada kes tertentu.

Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002**24. LAIN-LAIN PEMIUTANG**

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Terhutang kepada pemegang saham korporat subsidiari	180,001	9,000,000	—	—
Terhutang kepada syarikat berkaitan	—	2,189,788	59,447,302	44,873,146
Baki bagi belian sebidang tanah	—	27,604,362	—	—
Terhutang kepada pelanggan	3,544,982	2,091,913	—	—
Lain-lain pemiutang	6,854,952	7,376,327	—	—
Akruan	1,245,221	1,094,489	8,000	348,000
	11,825,156	49,356,879	59,455,302	45,221,146

Jumlah terhutang kepada pemegang saham korporat subsidiari adalah terutamanya berkaitan dengan pendahuluan kepada Kumpulan. Terhutang kepada syarikat berkaitan adalah terutamanya berkaitan caj perkhidmatan, penyelenggaraan dan yuran agensi. Jumlah yang terhutang tersebut adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

**25. MODAL SAHAM**

	Bilangan Saham Biasa Pada RM1 Setiap Satu		Jumlah	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Dibenarkan	200,000,000	200,000,000	200,000,000	200,000,000
Diterbitkan dan dibayar penuh	180,000,000	180,000,000	180,000,000	180,000,000

**26. CUKAI TERTUNDA**

	Kumpulan	
	2002 RM	2001 RM
Pada 1 Januari	55,600	—
Daripada pengambilalihan subsidiari (Nota 13)	3,568,500	—
Pindahan (kepada)/dari penyata pendapatan (Nota 8)	(29,000)	55,600
Pada 31 Disember	3,595,100	55,600

## 27. KEUNTUNGAN TERKUMPUL

Pada 31 Disember 2002, Syarikat mempunyai keuntungan yang dikecualikan cukai yang boleh diagihkan lebih kurang RM259,000 (2001: RM259,000), tertakluk kepada perjanjian dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Syarikat mempunyai cukai kredit bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan baki dalam akaun pendapatan dikecualikan cukai untuk pembayaran dividen daripada keuntungan tertahan pada 31 Disember 2002.

## 28. LIABILITI LUARJANGKA

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
<b>Tidak bercagar:</b>				
Jaminan korporat bagi kemudahan yang diberikan kepada:				
– subsidiari	—	—	17,280,000	15,280,000
– syarikat bersekutu	—	4,000,000	—	—
– syarikat berkaitan	262,280	262,980	—	—
Jaminan bank	110,692	—	—	—
Bon prestasi	567,129	567,129	—	—
Tuntutan oleh pembeli-pembeli rumah dalam tempoh tanggungan	1,067,644	—	—	—
	2,007,745	4,830,109	17,280,000	15,280,000

## 29. URUSAN PENTING DENGAN PIHAK BERKAITAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2002 RM	2001 RM	2002 RM	2001 RM
Perbadanan induk				
– pendapatan sewa pejabat dan caj perkhidmatan	(446,144)	(540,450)	—	—
– pendapatan yuran pengurusan	(275,219)	(251,330)	—	—
– pendapatan komisen jualan	—	(71,714)	—	—
Subsidiari-subsidiari				
– belian tanah daripada perbadanan induk terakhir	—	3,772,296	—	—
– pendapatan yuran pengurusan	—	—	(515,000)	(480,000)
– pendapatan dividen kasar	—	—	(4,008,342)	(14,033,366)
Syarikat berkaitan				
– pendapatan sewa pejabat	—	(89,982)	—	—
– belanja caj perkhidmatan, penyelenggaraan dan yuran agensi	175,960	275,753	—	—

Para pengarah berpendapat bahawa semua urusan di atas adalah dalam urusan perniagaan biasa dan syarat serta keadaan yang tidak mempunyai perbezaan yang ketara daripada urusan yang dilakukan dengan pihak-pihak yang tidak berkaitan.

## Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

### 30. PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

- (a) Dalam tahun semasa, Syarikat telah menyempurnakan Perjanjian Jual dan Beli pada tarikh 16 Oktober 1997 untuk pembelian 70% kepentingan ekuiti dalam Lancar Pintas Sdn. Bhd. ("LPSB") daripada pemegang saham individu LPSB dengan balasan belian sebanyak RM13,300,000.
- (b) Pada 19 September 2002, Pasdec Corporation Sdn. Bhd. ("PCSB"), subsidiari yang dimiliki penuh, telah menjual 10,000,000 saham biasa RM1 setiap satu, yang mewakili 25% daripada jumlah ekuiti dalam Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. ("KPC") kepada Road Builder (M) Holdings Bhd. ("RBH") dengan balasan RM2.6 juta dalam bentuk tunai dan baki RM29.9 juta dengan terbitan 5,851,272 saham biasa baru RM1 setiap satu pada harga terbitan RM5.11 setiap saham biasa dalam RBH. Urusniaga ini membawa keuntungan sebanyak RM6.7 juta kepada Kumpulan.
- (c) Pada 19 Mac 2002, Syarikat telah memasuki suatu Perjanjian Jual dan Beli dengan PCSB, Treacher Development Sdn. Bhd. ("TDSB") dan Pembinaan Sri Jati Sdn. Bhd. ("PSJSB") bagi cadangan pembelian 14,000,000 saham biasa RM1 setiap satu yang mewakili 70% modal saham diterbitkan dan dibayar penuh dalam TDSB bagi balasan belian sebanyak RM12,634,434 dengan balasan penerbitan 12,634,000 saham biasa baru RM1 setiap satu pada harga RM1 setiap syer di Pasdec Holdings Berhad ("PHB") dan baki RM434 dalam bentuk tunai.

Syarikat juga mengumumkan suatu cadangan penerbitan terhad sebanyak 13,344,000 saham biasa baru RM1 setiap satu di PHB pada harga terbitan RM1 setiap satu syer baru kepada PSJSB.

Kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing dan Jawatankuasa Sekuriti masing-masing telah diperolehi pada 14 Januari 2003 dan 10 Mac 2003.

- (d) Pada 29 Mac 2002, PCSB telah memasuki dua perjanjian yang berasingan seperti berikut:
- (i) Perjanjian Jual Saham Bersyarat bagi cadangan menjual 61,171,875 saham biasa pada RM1 setiap satu, mewakili 15.25% daripada modal saham diterbitkan dan dibayar penuh Bukit Tinggi Resort Berhad ("BTR"), kepada Nostalgia Kiara Sdn. Bhd. ("NKS") dan Pasti Eksklusif Sdn. Bhd. ("PESB") dengan balasan RM67,000,000 yang akan dibayar secara tunai; dan
- (ii) Perjanjian Jual dan Beli Bersyarat bagi cadangan membeli 90.50 ekar tanah yang terletak di dalam dua bidang tanah berukuran 331.54 ekar atas Lot No. PT 12182, Mukim dan Daerah Bentong, Negeri Pahang Darul Makmur dari BTR dengan harga sebanyak RM35,496,484 secara tunai.
- (e) Dalam suku terakhir tahun 2002, Syarikat telah mula berbincang dengan penjual untuk meminda Perjanjian Jual dan Beli bagi tanah di Sepang ("tanah tersebut"). Di bawah Perjanjian Jual dan Beli yang asal, balasan belian tanah tersebut adalah RM41,382,000 dan pada 31 Disember 2002, sebuah subsidiari dimiliki penuh, Sumbangan Sakti Sdn. Bhd. ("SSSB"), telah membayar sejumlah RM13,761,145. Susulan kepada akhir tahun, SSSB membuat keputusan bahawa tidak membayar baki sebanyak RM27,620,855. Perjanjian berkenaan akan dipinda untuk membolehkan subsidiari tersebut memiliki sebahagian daripada tanah tersebut sehingga nilai RM13,761,145 berdasarkan kepada nilai pasaran.

Akibat daripada cadangan pindaan kepada Perjanjian Jual dan Beli yang asal, tanah dipegang untuk pembangunan oleh Syarikat pada 31 Disember 2002 telah berkurangan sebanyak RM27,620,855 daripada RM41,382,000 kepada RM13,761,145.

Perbincangan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Perlantikan penilai oleh SSSB atau Syarikat untuk melakukan penilaian terhadap tanah bagi mengenalpasti nilai pasaran; dan
- (ii) Penyempurnaan terma dan kandungan perjanjian baru.

Pada tarikh laporan ini, SSSB masih belum menyempurnakan Perjanjian Jual dan Beli yang baru dengan penjual.

- (f) Dalam tahun semasa, sebuah subsidiari dimiliki penuh, Kuantan Tembeling Resort Sdn. Bhd. ("KTR"), telah menandatangani suatu perjanjian usahasama dalam KTR Resort Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Taraf Antara Sdn. Bhd.) menerusi perolehan sebanyak 60,000 saham biasa baru RM1 setiap satu untuk jumlah pelaburan RM60,000 secara tunai yang mewakili 30% kepentingan ekuiti dalam KTR Resort Sdn. Bhd. Tujuan pelaburan usahasama adalah pengurusan perkhidmatan kondominium. Kegiatan utama usahasama adalah menyewa, memajak dan/atau menjual kondominium.

### 31. INSTRUMEN KEWANGAN

**(a) Polisi dan Objektif Pengurusan Risiko Kewangan**

Polisi pengurusan risiko kewangan Syarikat memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi dapat diraihkan untuk pembangunan perniagaan Kumpulan di samping menguruskan risiko-risiko kadar faedah, kecairan dan kredit. Syarikat beroperasi mengikut garis panduan yang tetap dan jelas yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan polisi Syarikat adalah untuk tidak melibatkan sebarang urusan niaga yang berasaskan spekulasi.

**(b) Risiko Kadar Faedah**

Syarikat terdedah kepada risiko kadar faedah ke atas pinjaman berfaedah. Pelaburan dalam aset kewangan adalah berbentuk jangka pendek dan bukan untuk tujuan spekulasi, dan kebanyakan adalah deposit tetap dengan institusi kewangan berlesen.

Syarikat menguruskan dedahan kadar faedah terdedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan berubah. Maklumat tentang tarikh kematangan dan kadar faedah berkesan aset kewangan dan liabiliti berkesan adalah seperti yang dinyatakan dalam nota masing-masing.

**(c) Risiko Kecairan**

Syarikat menguruskan profil kematangan hutang, aliran wang tunai dari kegiatan kendalian dan kemudahan dana secara aktif untuk memastikan kesemua keperluan kewangan, bayaran balik dan dana dapat dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan yang cermat, Kumpulan menetapkan tahap tunai dan pelaburan boleh tukar tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja. Tambahan lagi, Syarikat tegas dalam pengendalian keupayaan kemudahan kewangan pada tahap yang memuaskan.

**(d) Risiko Kredit**

Risiko kredit atau risiko kemungkiran, dikawal dengan pengawalan terhadap permohonan kelulusan kredit, limit dan prosedur pengurusan. Risiko kredit diminimakan dan diurus menerusi menghadkan penglibatan Syarikat kepada rakankongsi perniagaan yang mempunyai kebolehpercayaan kredit yang tinggi. Penghutang perdagangan akan diawasi secara malar dan berterusan melalui prosedur pelaporan pengurusan Syarikat.

Syarikat tidak mempunyai sebarang pendedahan yang ketara kepada mana-mana pelanggan individu atau pihak terbabit dan tidak mempunyai sebarang penumpuan risiko kredit yang tinggi yang berkaitan dengan instrumen kewangan.

**(e) Nilai Saksama**

Nilai bawaan aset kewangan dan liabiliti kewangan direkodkan dalam penyata kewangan mewakili nilai saksama mereka, dikenalpasti mengikut polisi perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.

### 32. MAKLUMAT SEGMENTAL

Kumpulan beroperasi dalam lima segmen perniagaan yang utama:

- (i) Pemegang pelaburan – penyediaan perkhidmatan pengurusan
- (ii) Pembangunan hartanah – pembangunan harta tanah perumahan dan komersil;
- (iii) Perdagangan – dalam bahan pembinaan
- (iv) Pengilangan – mengilang jubin seramik dan konkrit siap bancuh; dan
- (v) Kuari – operasi kuari

Para pengarah berpendapat bahawa semua urusan niaga antara segmen adalah dalam perjalanan perniagaan biasa dan berdasarkan syarat di mana perbezaan tidak ketara daripada urusan niaga yang dilakukan dengan pihak-pihak yang tidak berkaitan.

Tiada laporan segmen berdasarkan geografi disediakan kerana kegiatan Kumpulan dijalankan terutamanya di Malaysia.

Nota-nota kepada Penyata **kewangan** 31 Disember 2002

	Pelaburan Induk		Pembangunan Hartanah		Perdagangan		Pengilangan		
	2002	2001	2002	2001	2002	2001	2002	2001	
<b>PENDAPATAN</b>									
– Jualan antara segmen	3,401,006	14,537,606	—	—	—	—	—	—	
– Jualan luar	58,867	43,920	68,671,458	56,920,614	10,485,000	4,193,122	1,660,050	1,398,440	
	3,459,873	14,581,526	68,671,458	56,920,614	10,485,000	4,193,122	1,660,050	1,398,440	
<b>HASIL</b>									
Hasil segmen	1,566,300	13,536,830	24,019,046	6,620,641	(5,987,604)	(3,510,556)	(650,208)	208,097	
Kos kewangan, bersih	(1,298,786)	(1,334,353)	(3,454,255)	(4,234,873)	167,742	155,536	(327,645)	(301,351)	
Bahagian hasil syarikat bersekutu Cukai									
Keuntungan selepas cukai									
Kepentingan minoriti									
Keuntungan tahun semasa									
<b>ASET DAN LIABILITI</b>									
Segmen aset Pelaburan dalam syarikat bersekutu cara ekuiti	313,859,020	257,320,914	433,805,194	323,491,946	7,477,836	10,033,310	3,365,655	4,336,903	
Jumlah aset disatukan									
Segmen liabiliti	83,223,707	20,473,115	362,078,614	318,220,874	12,350,936	9,086,548	4,506,020	4,499,415	
<b>LAIN-LAIN MAKLUMAT</b>									
Susutnilai	9,500	9,499	509,541	473,021	38,702	43,710	140,177	140,177	
Kerugian rosotnilai	—	—	177,160	—	262,998	—	—	—	

	Kuari		Jumlah		Penghapusan		Disatukan	
	2002	2001	2002	2001	2002	2001	2002	2001
	—	—	3,401,006	14,537,606	(3,401,006)	(14,537,606)	—	—
	6,940,819	5,953,062	87,816,194	68,509,158	—	—	87,816,194	68,509,158
	6,940,819	5,953,062	91,217,200	83,046,764	(3,401,006)	(14,537,606)	87,816,194	68,509,158
	885,076	(833,715)	19,832,610	16,021,297	(11,924,803)	(10,934,611)	7,907,807	5,086,686
	(652,295)	(750,948)	(5,565,239)	(6,465,989)	6,927	—	(5,558,312)	(6,465,989)
							7,584,334 (952,877)	15,324,892 (2,757,201)
							8,980,952 (741,546)	11,188,388 (4,667)
							8,239,406	11,183,721
	7,321,002	8,236,104	765,828,707	603,419,177	(391,674,891)	(223,804,436)	374,153,816	603,419,177
							77,834,284	96,475,289
							451,988,100	699,894,466
	8,639,860	9,787,743	470,799,137	362,067,695	(353,310,459)	(203,457,510)	117,488,678	158,610,185
	805,832	805,832	1,503,752	1,472,239			1,503,752	1,472,239
	—	—	440,158	—			440,158	—

# Analysis of **shareholdings** as at 12 May 2002

Analisa Pemegang Saham pada 12 Mei 2002

Authorised Share Capital/Modal Saham Dibenar : RM200,000,000  
 Issued and Paid-up Capital/Modal Diterbitkan dan Berbayar : RM180,000,000  
 Class of Shares/Jenis Saham : Ordinary Shares of RM1.00 each/Saham Biasa RM1.00 setiap satu

## ANALYSIS BY SIZE OF SHAREHOLDINGS/ANALISA MENGIKUT SAIZ PEGANGAN SAHAM

Size Of Shareholdings Saiz Pegangan Saham	No. Of Shareholders Bil. Pemegang Saham	%	No. Of Shares Bil. Saham	%
1 – 999	3	0.04	261	0.01
1,000 – 10,000	6,606	89.62	19,336,089	10.74
10,001 – 100,000	709	9.62	18,904,000	10.50
100,001 – 8,999,999(*)	50	0.68	30,133,650	16.74
9,000,000 and above/dan ke atas(**)	3	0.04	111,626,000	62.01
<b>TOTAL/JUMLAH</b>	<b>7,371</b>	<b>100.00</b>	<b>180,000,000</b>	<b>100.00</b>

### Remarks/Cadangan:

\* – Less than 5% of issued shares/Tidak melebihi 5% daripada saham diterbitkan

\*\* – 5% and above of issued shares/Melebihi 5% daripada saham diterbitkan

## SUBSTANTIAL SHAREHOLDERS (EXCLUDING BARE TRUSTEES)

PARA PEMEGANG SAHAM UTAMA (KECUALI BARE TRUSTEES)

Name/Nama	Direct No. of Shares held Bil. Pegangan Saham		Indirect No. of Shares held Bil. Pegangan Saham	
	%	%	%	%
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	86,469,650 <sup>(1)</sup>	48.04	19,926,000 <sup>(2)</sup>	11.07
Pasdec Resources Sdn. Bhd.	19,926,000	11.07	—	—
Ciri Ehsan Sdn. Bhd.	18,100,000	10.06	—	—

### Notes/Nota:-

1. Inclusive of 4,300,000 ordinary shares, 1,500,000 ordinary shares and 5,892,650 ordinary shares held by nominee companies, Kuala Lumpur City Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd., RHB Capital Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. and Dual Elegance Sdn. Bhd. respectively, whereby Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang is the beneficial owner.

Termasuk 4,300,000 saham biasa, 1,500,000 saham biasa dan 5,892,650 saham biasa yang dipegang oleh syarikat-syarikat nomini iaitu, Kuala Lumpur City Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd., RHB Capital Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. dan Dual Elegance Sdn. Bhd. masing-masing, yang mana Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang merupakan pemegang saham benefisiari.

2. Deemed interested through its wholly-owned subsidiary, Pasdec Resources Sdn. Bhd.

Mempunyai kepentingan melalui anak syarikat milik penuhnya, Pasdec Resources Sdn. Bhd.

## DIRECTORS' INTEREST/KEPENTINGAN PARA PENGARAH

No. Name Bil. Nama	Direct/Langsung No. of Ordinary Shares Held Bil. Saham Biasa		Indirect/Tidak langsung No. of Ordinary Shares Held Bil. Saham Biasa	
	(%)	(%)	(%)	(%)
1. YAB Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob	—	—	—	—
2. YH Dato' Haji Abdul Ghani bin L. Sulaiman	—	—	—	—
3. YH Dato' Mohd Hilmey bin Mohd Taib	—	—	—	—
4. YH Dato' Hamdan bin Jaafar	—	—	175,000 <sup>(1)</sup>	0.10
5. YH Dato' Abdullah @ Mohamad Nor bin Ali	—	—	—	—
6. Tuan Haji Lias bin Mohd Noor	—	—	—	—
7. Encik Majid bin Mohamad	—	—	—	—
8. YH Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud	—	—	—	—
9. YH Dato' Khalid bin Mohamad Jiwa	—	—	—	—
10. Encik Abdullah bin A. Rasol	—	—	—	—

### Note/Nota:

<sup>(1)</sup> Held by his spouse/Dipegang oleh isterinya.

## LIST OF 30 LARGEST SHAREHOLDERS / SENARAI 30 PEMEGANG SAHAM TERBESAR

No. Bil.	Name Nama	No. Of Shares Bil. Saham	%
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	74,777,000	41.54
2.	Pasdec Resources Sdn. Bhd.	19,926,000	11.07
3.	Ciri Ehsan Sdn. Bhd.	18,100,000	10.06
4.	Dual Elegence Sdn. Bhd.	5,929,650	3.29
5.	Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. <i>Permodalan Nasional Berhad</i>	5,000,000	2.78
6.	Kuala Lumpur City Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.	4,347,000	2.42
